


Lembaga Pemantauan Audit
laporan tahunan **2012**



Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia

Pernyataan Misi

**Memupuk pengauditan bebas berkualiti tinggi bagi
memelihara keyakinan terhadap kualiti dan
kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit entiti
berkepentingan awam di Malaysia**



KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi Eksekutif	i
Gambaran Keseluruhan Strategi AOB	iv
BAHAGIAN SATU	
Menyokong Pemakaian dan Pelaksanaan Piawaian	1
• Pengiktirafan Ke atas Kerangka Pelaporan Kewangan dan Pengauditan Malaysia	1
• Menjejaki Pembangunan dan Pelaksanaan Piawaian	1
• Sumbangan Kepada Masa Hadapan Pelaporan Juruaudit	2
• Inisiatif Global Dalam Memperbaharui Pasaran dan Amalan Audit	3
BAHAGIAN DUA	
Menggalakkan Amalan Audit Berkualiti Tinggi	5
• Pendaftaran Firma Audit dan Juruaudit Individu	5
• Pengiktirafan Firma Audit dan Juruaudit Individu Asing	6
• Semakan Ke atas Pematuhan Terhadap Penggiliran Rakan Kongsi dan EQCR	7
• Penguatkuasaan	7
BAHAGIAN TIGA	
Mempengaruhi Ekosistem Pelaporan Kewangan dan Memanfaatkan Sokongan Pihak Berkepentingan	9
• Ekosistem Pelaporan Kewangan dan Kualiti Pelaporan Kewangan	9
• Pembabitan Profesion Perakaunan dan Kepimpinan Firma Audit	9
• Mengukuhkan Hubungan Dengan Pengawal Selia Lain	10
• Menggalakkan Amalan Pelaporan Kewangan Berkualiti Tinggi oleh Syarikat Tersenarai	10
• Menyokong Pendidikan Perakaunan	11
• Penyertaan Berterusan Dalam IFIAR	11
• Memperkasakan Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN	13
• Perkongsian Pengalaman Kawal Selia Audit Antarabangsa	14
• Memperkukuhkan Kerjasama Dengan Pihak Berkepentingan Yang Lain	14

BAHAGIAN EMPAT

Aktiviti Pemeriksaan

• Pengenalan	17
• Ringkasan Aktiviti	17
• Gambaran Keseluruhan Pemerhatian	20
• Pemerhatian Penting Daripada Semakan Peringkat Firma dan Semakan Tugas Firma Audit Utama	22
• Pemerhatian Penting Daripada Semakan Peringkat Firma dan Semakan Tugas Firma Audit Lain	26
• Pemulihan dan Penyebab Punca	31
• Kesimpulan	33

BAHAGIAN LIMA

Penilaian Prestasi dan Keberkesanan

37

BAHAGIAN ENAM

Prospek 2013

• Mendorong Firma Untuk Memfokuskan Kepada Penyebab Punca	39
• Berurusan Dengan Ciri Khusus Firma Audit	39
• Perubahan Lebih Holistik Dalam Profesion Perakaunan	39
• Tumpuan Pemeriksaan 2013	40

BAHAGIAN TUJUH

Pernyataan Tadbir Urus

41

• Ahli-ahli Lembaga Pemantauan Audit	41
• Kehadiran Mesyuarat	47
• Tanggungjawab Lembaga	47
• Prosedur Mesyuarat	48
• Jawatankuasa Pendaftaran	48
• Struktur Organisasi	49


BAHAGIAN LAPAN

Penyata Kewangan dan Lain-lain

51

• Penyata Kewangan Dana Lembaga Pemantauan Audit	51
• Lampiran A: Proses Pemeriksaan dan Asas Pelaporan	70
• Akronim dan Singkatan	73
• Takrif	74

Perutusan Pengerusi Eksekutif



Perutusan Pengerusi Eksekutif



Saya dengan berbesar hati melaporkan aktiviti Lembaga Pemantauan Audit (AOB) bagi tahun 2012. Memandangkan pencapaian misi kami memerlukan kami menangani beberapa isu utama dalam ekosistem pelaporan kewangan, kami terlibat dalam pelbagai aktiviti yang melibatkan ramai pihak berkepentingan, dari dalam dan luar negara.

Sedang kami memasuki tahun ketiga operasi, kami mendapati terdapat peningkatan dalam permintaan ke atas pengauditan berkualiti dan usaha untuk memperkukuhkan kualiti audit dalam pasaran.

Pengiktirafan ke atas kerangka kerja pengawalseliaan kami

Akauntan dan juruaudit memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kualiti pelaporan kewangan dan pengauditan. Selain daripada profesion perakaunan yang utuh, kerangka kerja pengawalseliaan berkaitan dengan perakaunan dan pengauditan yang mantap dan kukuh juga merupakan ciri penting sebuah pasaran modal yang maju. Tahap pematuhan kepada piawaian yang dikenali di peringkat antarabangsa dan kod perakaunan dan pengauditan melambangkan kekukuhan dan keteguhan sesuatu kerangka kerja pengawalseliaan.

Satu penilaian terhadap pematuhan Malaysia kepada piawaian dan kod perakaunan dan pengauditan telah dijalankan oleh Bank Dunia. Melalui Laporan

Pematuhan Piawaian dan Kod Perakaunan dan Pengauditan (ROSC AA), Bank Dunia menyatakan bahawa profesion perakaunan dan pengauditan di Malaysia telah dibangunkan dengan baik dan piawaian perakaunan dan pengauditan kita sejajar dengan piawaian antarabangsa.

Seterusnya, ROSC AA mengiktiraf bahawa kerangka kerja institusi pelaporan kewangan korporat yang dibuat oleh entiti berkepentingan awam (PIE) di Malaysia dibangunkan dengan baik, dengan beberapa lapisan kawalan bersistematik, semakan dan penguatkuasaan termasuk peranan AOB dalam memastikan dan menguatkuasakan pematuhan terhadap piawaian pengauditan dan etika oleh juruaudit PIE.

Walaupun pengiktirafan sedemikian ialah satu testimoni terhadap tahap kematangan profesion perakaunan dan keteguhan kerangka kerja pengawalseliaan kami, masih banyak yang perlu dilakukan untuk memastikan kami bergerak selari dengan pasaran yang lain. Ini bagi memastikan keyakinan dan perlindungan pelabur melalui pelaporan kewangan dan pengauditan berkualiti tinggi.

Laporan tersebut juga memperakui kepentingan peranan yang dimainkan oleh semua komponen ekosistem pelaporan kewangan seperti pengarah, pengawal selia dan juruaudit dalam memastikan kualiti pelaporan korporat kita kekal dihormati.

Usaha global dalam penambahbaikan pelaporan juruaudit

Dalam tahun 2012, Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan Antarabangsa (IAASB) mengeluarkan Jemputan Untuk Memberi Komen: Menambah baik Laporan Juruaudit (ITC). ITC menjelaskan hala tuju IAASB yang dicadangkan untuk laporan juruaudit pada masa akan datang. Di antara cadangan utama dalam ITC ialah 'Komentar Juruaudit' yang mana juruaudit memberikan maklumat tambahan, menetengahkan perkara-perkara yang menurut pertimbangan juruaudit, adalah sangat penting bagi pengguna untuk memahami penyata kewangan teraudit atau audit, rumusan juruaudit mengenai kewajaran pengurusan menggunakan andaian kelangsungan operasi dalam menyediakan penyata kewangan dan kenyataan nyata adakah ketidak-tentuan material berkaitan dengan kelangsungan operasi telah dikenal pasti. AOB telah dijemput untuk memberikan pandangan pada persidangan meja bulat yang dianjurkan di Kuala Lumpur pada 8 Oktober 2012.

AOB menyokong usaha untuk memperkukuh pelaporan juruaudit dan menangani jurang maklumat di antara juruaudit dan pembaca laporan juruaudit tersebut. AOB percaya bahawa kualiti audit dan laporan juruaudit adalah sama penting. Kualiti audit adalah mengenai kebolehppercayaan pandangan audit manakala laporan juruaudit adalah mengenai bagaimana pendapat tersebut dimaklumkan.

Perkembangan seterusnya dalam bidang ini pasti akan mempengaruhi pelaporan kewangan dan amalan pengauditan pada masa akan datang.

Keperluan untuk menangani punca masalah kepincangan audit

AOB terus memeriksa kedua-dua Firma Audit

Utama dan Firma Audit Lain untuk menilai amalan pengauditan mereka dan tahap kepatuhan kepada piawaian yang berkaitan. Walaupun AOB mendapati ada usaha pemulihan yang dijalankan oleh firma audit untuk menangani kebimbangan kami mengenai kualiti amalan dan kerja pengauditan mereka, usaha sedemikian akan lebih berkesan sekiranya punca masalah kepincangan tersebut dikenal pasti dan ditangani dengan betul.

Pendirian ini konsisten dengan kajian global pertama mengenai pemerhatian pemeriksaan audit yang meringkaskan isu-isu yang dikenal pasti oleh ahli Forum Pengawal Selia Audit Bebas Antarabangsa (IFIAR) di seluruh dunia. Kajian itu menyatakan bahawa lebih banyak lagi perlu dilakukan untuk menambah baik ketekalan prestasi juruaudit.

Banyak badan pemeriksaan audit kebangsaan yang memberi maklum balas kepada kajian tersebut mendapati bahawa kekurangan skeptisisme profesional juruaudit ke atas tugas audit merupakan isu prestasi yang utama dan boleh juga menjadi penyebab yang mendasari kebanyakan pemerhatian pemeriksaan.

AOB menghendaki supaya firma audit mengakui perlunya pemulihan dengan mengenal pasti sebab sebenar kepincangan tersebut, membina dan melaksanakan tindakan pemulihan yang betul, serta memastikan keberkesanan dan kemampuan pemulihan tersebut.

Sehubungan itu, firma audit perlu memastikan mekanisme tadbir urus sendiri mereka diguna pakai dengan tegas bagi menambah baik kualiti bagi seluruh firma audit. AOB akan meningkatkan pemantauan terhadap usaha pemulihan firma audit dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan penguatkuasaan yang bersesuaian sekiranya perubahan yang signifikan tidak dilakukan.

Menguatkuasakan piawaian

Fokus usaha pemantauan AOB adalah ke atas prestasi firma audit dan usaha yang mereka jalankan untuk memperkasakan proses kawalan mutu dalaman yang akan membolehkan mereka mengekalkan audit bermutu tinggi yang konsisten. Kepincangan yang ditemui semasa pemeriksaan audit dan aktiviti pemantauan biasanya ditangani melalui usaha pemulihan yang dilakukan oleh firma audit. Namun begitu, tindakan penguatkuasaan diambil apabila kepincangan adalah serius.

Dalam tahun 2012, AOB mengambil dua tindakan penguatkuasaan terhadap dua juruaudit di atas kegagalan mereka mematuhi piawaian yang berkaitan dan peraturan dalam pelaksanaan audit mereka. Walaupun kami percaya kebanyakan firma serius dalam memastikan pendapat audit mereka adalah berdasarkan bukti audit yang wajar dan mencukupi, tindakan penguatkuasaan memberi mesej jelas bahawa AOB tidak akan teragak-agak untuk bertindak sekiranya keyakinan umum terhadap kebolehpercayaan laporan audit tergugat.

Kerjasama global dalam pemantauan audit

Memandangkan perdagangan terus menjadi lebih global dan serantau, kualiti pelaporan kewangan semakin dipengaruhi oleh amalan pelaporan kewangan di negara dan bidang kuasa yang mana perniagaan itu beroperasi. Dari aspek ini, kualiti audit juga dipengaruhi oleh prestasi kolektif juruaudit yang beroperasi merentasi sempadan.

AOB terus melibatkan diri dalam aktiviti IFIAR dan Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN (AARG). Ini membolehkan AOB membina perhubungan kukuh

dengan pengawal selia yang lain dan berkongsi pengalaman dan maklumat dengan mereka dalam memperkukuhkan aktiviti pemantauan audit kami. Kami menandatangani memorandum persefahaman dengan Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Jepun (JFSA) serta Lembaga Pemantauan Akauntan Awam Bertauliah dan Audit Jepun (CPAAOB) untuk meningkatkan kerjasama dan pertukaran maklumat.

Penutup

AOB mengalu-alukan perlantikan Datuk Gumuri Hussain dan Mohd Naim Daruwish sebagai ahli Lembaga pada awal tahun ini. Mereka menyertai ahli lembaga yang lain, yang memberikan nasihat, panduan dan sokongan untuk memastikan AOB terus maju ke arah mencapai misinya. Kami terus bekerjasama dengan pengawal selia lain dan pemegang kepentingan yang telah berkongsi matlamat yang sama iaitu memperkukuhkan kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan dan pelaporan juruaudit. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua dan saya percaya lebih banyak sumbangan dan sokongan akan diberikan pada masa akan datang.

Kakitangan AOB yang berdedikasi telah mempamerkan komitmen mereka untuk memastikan kami berkembang maju berdasarkan strategi yang telah diguna pakai. Saya ingin memperakui usaha dan sumbangan mereka. AOB akan terus menumpukan sasaran terhadap pencapaian yang lebih baik, pada masa akan datang.



Nik Mohd Hasyudeen Yusoff

GAMBARAN KESELURUHAN STRATEGI AOB

AOB menyasarkan untuk memperoleh pencapaian yang berikut:

- Amalan pelaporan kewangan berkualiti tinggi oleh PIE
- Amalan audit berkualiti tinggi dan berupaya
- Audit yang bebas dan berkualiti tinggi
- Penyata kewangan teraudit yang berkualiti tinggi dan andal
- Keyakinan yang meningkat terhadap penyata kewangan teraudit

AOB telah mengguna pakai kerangka kerja strategik yang menghubungkan bidang perkhidmatan dan aktiviti AOB dengan hasil yang dikehendaki, yang memanifestasikan pencapaian misinya. Kerangka kerja strategik mempunyai empat tema strategik, iaitu:

- Menyokong pemakaian dan pelaksanaan piawaian
- Menggalakkan amalan audit berkualiti tinggi
- Mempengaruhi ekosistem pelaporan kewangan
- Mendapatkan sokongan pihak berkepentingan

Menyokong pemakaian dan pelaksanaan piawaian

Piawaian pengauditan dan etika menyediakan asas untuk mencapai pengauditan bebas yang berkualiti tinggi. Sehubungan ini, AOB menggariskan matlamat yang berikut:

- Memastikan tiada jurang yang ketara
- Mendorong pelaksanaan piawaian secara menyeluruh
- Memudah cara pelaksanaan piawaian dalam kalangan firma audit

Menggalakkan amalan audit berkualiti tinggi

Aktiviti pemantauan utama kami seperti pendaftaran, pemeriksaan dan penyiasatan disasarkan kepada memastikan firma audit dan juruaudit individu komited dalam menghasilkan pengauditan bebas berkualiti tinggi sambil mencapai objektif perniagaan mereka. Untuk mencapai objektif ini, matlamat yang disasarkan adalah:

- Menguatkuasakan dasar pendaftaran yang menggalakkan kualiti dan kapasiti
- Memacu amalan audit berkualiti melalui pemeriksaan dan pemulihan firma audit
- Menetapkan tahap kualiti melalui tindakan penguatkuasaan.

Mempengaruhi ekosistem pelaporan keuangan

Pelaporan kewangan berkualiti tinggi akan hanya dapat dicapai jika semua komponen utama dalam ekosistem pelaporan kewangan memainkan peranan masing-masing dengan berkesan. Dengan memahami ini, AOB akan turut fokus dalam mempengaruhi pihak berkepentingan utama yang lain untuk memastikan kualiti audit kekal tinggi dalam agenda perniagaan mereka. Matlamat yang ingin dicapai adalah:


- Meningkatkan kerjasama antara pihak berkepentingan dalam ekosistem pelaporan kewangan
- Menggalakkan penyelidikan dan perbincangan tentang kualiti audit.

Memanfaatkan sokongan pihak berkepentingan

Keberkesanan AOB akan terus ditingkatkan jika ia boleh memanfaatkan usaha pihak berkepentingan lain yang berkongsi matlamat yang sama dalam meningkatkan kualiti pelaporan kewangan PIE. Ini termasuk bekerjasama dengan rakan antarabangsa kerana pengauditan itu sendiri telah menjadi hal ehwal global. AOB menyasarkan untuk mencapai matlamat yang berikut:

- Meningkatkan penyelarasan aktiviti dengan pihak berkuasa lain di Malaysia dan di luar negara
- Mengambil bahagian dalam aktiviti antarabangsa untuk memperoleh pengetahuan dan pengalaman serta meningkatkan keyakinan dalam kualiti audit Malaysia
- Mendapatkan sokongan kewangan yang lebih tinggi daripada pihak berkepentingan.

Bahagian Satu
Menyokong Pemakaian dan
Pelaksanaan Piawaian



MENYOKONG PEMAKAIAN DAN PELAKSANAAN PIAWAIAN

PENGIKTIRAFAN KE ATAS KERANGKA PELAPORAN KEWANGAN DAN PENGAUDITAN MALAYSIA

Dalam bulan Februari 2012, Bank Dunia menerbitkan ROSC AA yang mengiktiraf bahawa kerangka kerja institusi pelaporan kewangan korporat oleh PIE di Malaysia dibangunkan dengan baik dengan pelbagai lapisan kawalan sistematik, semakan dan penguatkuasaan. Ini termasuk peranan AOB dalam memastikan dan menguatkuasakan pematuhan terhadap piawaian pengauditan dan etika oleh juruaudit PIE.

Keseluruhannya, laporan tersebut memperakui bahawa Malaysia telah menerima pakai dan melaksanakan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA) dan Piawaian Kawalan Kualiti Antarabangsa (ISQC1).

Walaupun secara keseluruhannya sistem pengawalseliaan dan penguatkuasaan untuk PIE dibangunkan secara baik, ROSC AA menyuarakan kegusaran mengenai keupayaan firma audit kecil untuk mematuhi sepenuhnya ISA dan ISQC1 yang telah dijelaskan.

Seterusnya ROSC AA juga menyarankan supaya beberapa bidang disemak dan ditambah baik untuk lebih memperkasakan kerangka kawal selia dalam

sistem pelaporan kewangan dan pengauditan di Malaysia yang sudah kukuh dan padu. Di antara bidang tersebut ialah:

- syarat untuk semua syarikat mesti diaudit perlu ditukarkan dengan sistem pengecualian audit berkanun;
- keperluan untuk memperkukuhkan piawaian pelaporan kewangan entiti persendirian;
- semakan bebas struktur tadbir urus Institut Akauntan Malaysia (MIA) perlu dijalankan; dan
- kriteria kemasukan MIA dan proses jaminan kualiti ke atas program ijazah universiti perlu disemak dan dikukuhkan.

MENJEJAKI PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN PIAWAIAN

Penyertaan berterusan sebagai pemerhati dalam mesyuarat Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan MIA (AASB) telah memberikan AOB maklumat bagaimana profesion melihat isu spesifik dan baru muncul yang dihadapi oleh juruaudit. Ia juga memberikan peluang kepada AOB untuk menyuarakan pandangannya berhubung perkara

tersebut. Berikut adalah aktiviti utama AASB dalam tahun 2012:

- Guna pakai, penarikan dan pelaksanaan pengumuman IAASB di Malaysia, termasuk guna pakai ISA 610 (Disemak) *Using the Work of Internal Auditors*; ISA 315 (Disemak) *Identifying and Assessing the Risks of Material Misstatement through Understanding the Entity and Its Environment*; Piawaian Antarabangsa baharu dalam Pembabit Jaminan (ISAE) 3410 *Assurance Engagements on Greenhouse Gas Statements*; dan ISAE 3420 *Assurance Engagements to Report on Compilation of Pro Forma Financial Information Included in a Prospectus*; dan penerbitan Nota Amalan Pengauditan Antarabangsa (IAPN) 1000 *Special Considerations in Auditing Financial Instruments*.
- Panduan Amalan No 11 Yang Dicadangkan – *Auditor's Report on Financial Statements Prepared In Accordance With the Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) Framework*, diterbitkan dalam tahun 2012.
- AASB terlibat dalam beberapa aktiviti IAASB termasuk Sidang Meja Bulat IAASB mengenai Pembaikan Laporan Juruaudit yang dianjurkan di Kuala Lumpur dan memberikan komen mengenai isu tersebut.

SUMBANGAN KEPADA MASA HADAPAN PELAPORAN JURUAUDIT

Sebagai susulan kepada kertas perundingan yang dikeluarkan dalam bulan Mei 2011 mengenai penerokaan pilihan untuk pembaikan pelaporan

juruaudit, IAASB mengeluarkan Undangan untuk Memberi Komen: Penambahbaikan Laporan Juruaudit (ITC). ITC menjelaskan hala tuju penunjuk IAASB yang dicadangkan untuk laporan juruaudit pada masa hadapan. ITC menampilkan laporan juruaudit yang disemak semula yang menunjukkan penggunaan penambahbaikan yang dicadangkan oleh IAASB. ITC juga memberikan rasional IAASB bagi penambahbaikan yang dicadangkan, bersama dengan perbincangan mengenai nilai potensi dan rintangan, dan dalam bidang mana maklum balas diminta.

Di antara cadangan utama ITC adalah:

- Maklumat tambahan dalam laporan juruaudit yang mengetengahkan perkara yang, pada pertimbangan juruaudit, boleh menjadi perkara terpenting untuk pengguna memahami penyata kewangan teraudit atau audit itu sendiri, dirujuk sebagai "Komentari Juruaudit";
- Rumusan juruaudit mengenai kewajaran penggunaan andaian kelangsungan operasi oleh pengurusan dalam menyediakan penyata kewangan dan pernyataan nyata sama ada ketidakpastian material berkaitan dengan kelangsungan operasi telah dikenal pasti; dan
- Kenyataan juruaudit sama ada sebarang percanggahan material di antara penyata kewangan teraudit dan maklumat lain telah dikenal pasti berdasarkan pembacaan juruaudit ke atas maklumat lain dan pertimbangan maklumat khusus yang dikenal pasti oleh juruaudit.

Untuk memaklumkan inisiatif penting ini kepada pemegang berkepentingan, IAASB telah menganjurkan

tiga sidang meja bulat global di New York, Belgium dan Kuala Lumpur. AOB telah dijemput untuk memberikan pandangan di persidangan meja bulat yang dianjurkan di Kuala Lumpur pada 8 Oktober 2012.

AOB menyokong inisiatif untuk meningkatkan pelaporan juruaudit dan menangani jurang maklumat di antara juruaudit dan pembaca laporan juruaudit. AOB percaya bahawa kualiti audit dan pelaporan juruaudit adalah sama penting. Kualiti audit adalah mengenai kebolehpercayaan pandangan audit sedangkan pelaporan juruaudit adalah mengenai bagaimana pandangan tersebut dimaklumkan.

Walaupun AOB bersetuju bahawa juruaudit patut membincangkan dengan lebih lanjut tentang kerja-kerja yang telah dijalankan, kecukupan dan kewajaran bukti audit yang diperoleh, pertimbangan utama yang telah dibuat dan rumusan keseluruhan audit tersebut, juruaudit tidak dikehendaki untuk melaporkan perkara-perkara yang termaktub dalam bidang kuasa mereka yang dipertanggungjawabkan dengan hal-hal tadbir urus.

Pengenalan komentar juruaudit memberikan peluang kepada juruaudit untuk memaklumkan dengan lebih lanjut mengenai pengauditan mereka, terutamanya bidang-bidang yang memerlukan lebih perhatian daripada pembaca. Walaupun IAASB sepatutnya tidak terlalu memperincikan bagaimana juruaudit boleh berbuat demikian, sedikit panduan umum mungkin perlu untuk mengelakkan penggunaan sesuatu model standard (boilerplates), yang akan mengurangkan nilai model pelaporan yang telah diperkukuhkan.

AOB berasa perlu diwujudkan kerangka kerja undang-undang dan tadbir urus untuk menyokong pelaksanaan audit berkualiti tinggi yang merupakan

asas kepada laporan juruaudit yang boleh diharap dan relevan. Pemegang berkepentingan lain, termasuk komuniti pelabur seharusnya lebih terlibat untuk mewujudkan suasana yang menginginkan, menyokong dan menghargai audit berkualiti tinggi.

INISIATIF GLOBAL DALAM MEMPERBAHARUI PASARAN DAN AMALAN AUDIT

Terdapat beberapa usaha global berterusan ke arah pembaharuan pasaran audit dalam mencapai kualiti audit yang lebih baik. Perkembangan berikut akan mempengaruhi piawaian dan amalan yang berkaitan audit dan pasaran audit, pada masa akan datang:


- Walaupun Suruhanjaya Eropah mengeluarkan cadangan untuk memperkukuhkan kawal seliaan audit PIE dalam bulan November 2011, keputusan akhir belum dicapai. Memandangkan cadangan tersebut mengandungi beberapa perubahan radikal seperti penggiliran mandatori firma audit, tender mandatori dan larangan untuk firma audit daripada memberikan perkhidmatan bukan-audit kepada pelanggan audit mereka, keputusan akhir pastinya akan mengubah landskap pengauditan di Eropah.
- Lembaga Pemantauan Perakaunan Syarikat Awam Amerika Syarikat (PCAOB) terus membincangkan isu kebebasan juruaudit dan penggiliran firma audit. Ia telah menganjurkan beberapa pertemuan awam untuk mendapatkan pandangan daripada pihak berkepentingan mengenai pengukuhan lanjut kebebasan juruaudit, dan seterusnya memperbaiki kualiti audit.

- Suruhanjaya Persaingan United Kingdom sedang menimbangkan sama ada dominasi firma perakaunan Empat Firma Audit Besar menyekat persaingan di pasaran audit UK untuk syarikat tersenarai. Suruhanjaya tersebut telah menganjurkan sesi pendengaran kes dengan pihak-pihak utama yang terlibat. Ini adalah susulan kepada penyiasatan Pihak Berkuasa

Dagangan Telus lanjutan daripada peningkatan kegusaran mengenai dominasi empat firma audit besar, yang mengaudit kesemua, kecuali satu daripada konstituen FTSE100.

AOB akan terus memantau perkembangan di atas dan akan membuat keputusan mengenai tindakan yang perlu diambil.

Bahagian Dua
Menggalakkan Amalan Audit
Berkualiti Tinggi



MENG GALAKKAN AMALAN AUDIT BERKUALITI TINGGI

PENDAFTARAN FIRMA AUDIT DAN JURUAUDIT INDIVIDU

AOB terus mempengaruhi amalan pengauditan melalui aktiviti pemantauan audit, terutamanya melalui fungsi pendaftaran, pemeriksaan dan penguatkuasaan. Hasil yang diharapkan adalah bagi firma audit membina kapasiti dan kerangka kerja berkualiti yang akan membolehkan audit yang bernilai dijalankan secara konsisten.

Demi mendapatkan hasil tersebut, AOB kekal konsisten dalam menghendaki firma audit mematuhi piawaian pengauditan dan kawalan kualiti antarabangsa yang

diguna pakai oleh profesion perakaunan di Malaysia.

Bilangan firma audit berdaftar dan juruaudit individu berkurangan sedikit dalam tahun 2012. Beberapa firma yang lebih kecil membuat keputusan untuk keluar daripada pasaran manakala firma yang lain memutuskan untuk bergabung. Walau bagaimanapun, konsentrasi pelanggan kekal pada 15 firma audit utama yang secara kolektif telah mengaudit 1,004 PIE meliputi 96% daripada permodalan pasaran syarikat awam tersenarai (PLC) di Malaysia.

AOB tidak menolak sebarang permohonan pendaftaran dalam tahun 2012.

Jadual 1

Pendaftaran firma audit dan juruaudit individu pada 31 Disember 2012

Profil firma audit	Bilangan firma audit	Bilangan juruaudit individual	Bilangan PIE yang telah diaudit	% permodalan pasaran
Perkongsian dengan lebih daripada 10 rakan kongsi	6	144	840	94.5
Perkongsian dengan 5 – 10 rakan kongsi	9	44	164	1.5
Perkongsian dengan 2 – 4 rakan kongsi	43	96	139	3.9
Pemilikan tunggal	9	9	9	0.1
JUMLAH	67	293	1,152	100.0

Jadual 2

Statistik Pendaftaran: Perbandingan di antara tahun 2012 dan 2011

Profil firma audit	Bilangan firma audit (2012)	Bilangan firma audit (2011)	Bilangan juruaudit individu (2012)	Bilangan juruaudit individu (2011)
Perkongsian dengan lebih daripada 10 rakan kongsi	6	6	144	138
Perkongsian dengan 5 – 10 rakan kongsi	9	8	44	38
Perkongsian dengan 2 – 4 rakan kongsi	43	48	96	108
Pemilikan tunggal	9	13	9	13
JUMLAH	67	75	293	297

PENGIKTIRAFAN FIRMA AUDIT DAN JURUAUDIT INDIVIDU ASING

Pada 31 Disember 2012, AOB mengiktiraf 14 juruaudit individu asing daripada enam firma audit asing yang telah mengaudit tujuh syarikat yang diperbadankan di luar negara dan disenaraikan di Bursa Malaysia.

AOB bergantung kepada kerangka kerja pemantauan negara asal juruaudit asing apabila

mempertimbangkan pengiktirafan kepada mereka. Juruaudit asing tersebut mestilah diluluskan atau berdaftar dengan pihak berkuasa luar yang berkenaan, yang menjalankan fungsi sama seperti AOB. Antara perkara yang dipertimbangkan AOB adalah sama ada firma-firma tersebut dikehendaki mematuhi piawaian pengauditan dan kawalan kualiti antarabangsa dan apakah mereka tertakluk kepada pemeriksaan berkala oleh pengawal selia audit di negara asal.

Jadual 3

Profil firma audit asing yang diiktiraf oleh AOB

Bidang kuasa	Bilangan firma audit	Bilangan juruaudit individu	Bilangan PLC yang telah diaudit
Singapura	4	10	5
Hong Kong	1	2	1
United Kingdom	1	2	1
JUMLAH	6	14	7

SEMAKAN KE ATAS PEMATUHAN TERHADAP PENGGILIRAN RAKAN KONGSI DAN EQCR

AOB menganggap pematuhan terhadap penggiliran rakan kongsi dan Penyemak Kawalan Kualiti Tugasan (EQCR) sebagai antara faktor kritikal untuk memastikan kebebasan juruaudit dan kualiti audit. Dalam hal ini, AOB memantau dengan ketat pematuhan firma audit ke atas peraturan penggiliran rakan kongsi untuk memastikan sebarang pelanggaran peraturan dapat diperbetulkan di peringkat awal.

Pada tahun 2012, semua firma audit telah diberi ingatan agar memastikan pematuhan terhadap peraturan penggiliran rakan kongsi untuk audit PIE dan semua EQCR untuk tugasan audit PIE didaftarkan dengan AOB.

Tujuh firma audit tidak mematuhi peraturan penggiliran rakan kongsi dan telah diberi amaran di atas ketidakpatuhan tersebut.

Firma-firma tersebut telah memperbetulkan ketidakpatuhan dengan mendaftar rakan kongsi baharu di bawah firma berkenaan atau tidak memohon pelantikan semula sebagai juruaudit PIE yang terlibat. Terdapat kes yang mana rakan kongsi berdaftar daripada firma audit yang lain diambil untuk bertindak sebagai EQCR.

AOB juga mendapati bahawa tujuh firma audit tidak dapat mematuhi sepenuhnya peraturan EQCR dan mereka telah memberi komitmen untuk memperbaiki situasi dalam jangka waktu yang paling praktikal.

PENGUATKUASAAN


AOB mengguna pakai kaedah penguatkuasaan strategik yang mana prinsip perkadaran, keberkesanan dan pencapaian hasil yang diinginkan dipertimbangkan sebelum sebarang sanksi dikenakan di atas sesiapa. Dalam menentukan jenis sanksi yang dikenakan ke atas sebarang pelanggaran undang-undang, AOB mengambil kira sifat dan tahap serius kesalahan tersebut, rekod kawal seliaan sebelumnya dan faktor-faktor pengurangan hukuman yang lain.

Dalam tahun 2012 AOB mengenakan sanksi ke atas dua juruaudit berdaftar berikut:

- Pada 12 Julai 2012, AOB mencela Alvin Tee Guan Pian, rakan kongsi UHY, atas kegagalan untuk mematuhi syarat-syarat ISA yang berkaitan dalam menjalankan audit ke atas sebuah PIE bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 2010. Alvin Tee Guan Pian telah merayu kepada SC berhubung keputusan tersebut. Pada 28 Ogos 2012, SC membuat keputusan untuk menolak rayuan tersebut.
- Pada 7 November 2012, AOB mencela dan mengenakan penalti sebanyak RM5,000 terhadap Liew Tip Chan dari T.C. Liew & Co. atas kegagalan beliau untuk mematuhi Undang-undang Kecil MIA berkaitan dengan kebebasan juruaudit dan keperluan ISA yang berkaitan dalam pelaksanaan audit sebuah PIE bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2011.

Bahagian Tiga

Mempengaruhi Ekosistem Pelaporan Kewangan dan Memanfaatkan Sokongan Pihak Berkepentingan



MEMPENGARUHI EKOSISTEM PELAPORAN KEWANGAN DAN MEMANFAATKAN SOKONGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

EKOSISTEM PELAPORAN KEWANGAN DAN KUALITI PELAPORAN KEWANGAN

Pelaporan kewangan berkualiti tinggi hanya boleh dicapai sekiranya semua komponen utama ekosistem pelaporan kewangan memainkan peranan masing-masing secara berkesan. Menyedari akan hal ini, AOB menjalankan aktiviti untuk mempengaruhi pihak berkepentingan, yang kritikal dalam membentuk kualiti amalan pelaporan kewangan dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit PIE. Pihak berkepentingan yang relevan adalah profesion perakaunan, firma audit, pengawal selia, pengarah dan ahli akademik.

PEMBABITAN PROFESION PERAKAUNAN DAN KEPIMPINAN FIRMA AUDIT

AOB terus membabitkan diri dengan kepimpinan firma audit berdaftar untuk membincangkan, antaranya cabaran yang dihadapi oleh juruaudit dalam industri dan isu-isu yang dikenal pasti semasa aktiviti pemantauan AOB.

Dari aspek ini, AOB telah menganjurkan perundingan industri mengenai peranan profesion perakaunan dalam pembangunan pasaran modal Malaysia. Rundingan industri tersebut membincangkan

langkah-langkah yang perlu diambil untuk membolehkan profesion perakaunan menjadi lebih efektif dalam membangunkan dan memperkukuhkan pasaran modal di bawah naungan Pelan Induk Pasaran Modal 2 (CMP2).

Rundingan industri tersebut memberi tumpuan ke atas peranan akauntan dalam tiga bidang besar berikut:

- pembentukan modal;
- sebagai penjaga maklumat kewangan; dan
- penstrukturan syarikat.

Dialog tersebut juga menyediakan peluang kepada profesional perakaunan dan firma audit untuk berkongsi idea bagi memperkukuh kualiti amalan audit dan memainkan peranan yang lebih besar untuk memastikan penyediaan pelaporan kewangan mematuhi keperluan piawaian pelaporan kewangan yang terpakai di Malaysia.

AOB juga menyertai acara luaran untuk berkongsi pandangannya, seperti persidangan dan simposium yang dianjurkan oleh MIA, forum anjuran bersama Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan Institut Akauntan Bertauliah Australia (ICAA), persidangan anjuran Institut Bank-Bank Malaysia, Jabatan Audit Negara dan Akademi Suruhanjaya Anti Rasuah Malaysia.

Dalam bulan November 2012, AOB menganjurkan tiga sesi dialog dengan juruaudit berdaftar untuk mendapatkan maklum balas mengenai trend dalam industri. Dialog tersebut juga menjadi platform untuk berkongsi pemerhatian dan menetapkan jangkaan ke atas aktiviti pembaikan serta meneruskan penggalakan amalan audit berkualiti tinggi. Ini sejajar dengan misi AOB untuk menggalakkan pengauditan bebas berkualiti tinggi bagi meningkatkan keyakinan ke atas kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit PIE di Malaysia.

MENGUKUHKAN HUBUNGAN DENGAN PENGAWAL SELIA LAIN

AOB menjalankan usaha berterusan untuk memperkukuhkan kerjasama dengan pengawal selia lain, terutamanya Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). AOB juga membantu SC dalam bidang melibatkan piawaian, tingkah laku dan prestasi juruaudit dan berkongsi pengalaman mengenai pemantauan audit dengan pengawal selia lain.

Kami juga membabitkan Bursa Malaysia berkenaan isu pengiktirafan juruaudit luar yang mengaudit penyata kewangan syarikat luar yang disenaraikan di Bursa Malaysia, prestasi juruaudit dan peranan pengarah PLC dalam memastikan pelaporan kewangan yang berkualiti.

Memandangkan keluasan ekosistem pelaporan kewangan, memanfaatkan peranan penyeliaan dan penguatkuasaan pengawal selia lain dapat mengurangkan pertindihan usaha dan meningkatkan keberkesanan penyeliaan pelaporan kewangan dan pengauditan.

MENGALAKKAN AMALAN PELAPORAN KEWANGAN BERKUALITI TINGGI OLEH SYARIKAT TERSENARAI

AOB terus melibatkan diri dengan pengarah dan ahli Jawatankuasa Audit PIE untuk menggalakkan amalan pelaporan kewangan berkualiti tinggi. Untuk itu AOB menyertai beberapa forum yang membincangkan topik berkaitan dengan penglibatan pengarah dalam laporan kewangan, iaitu:

- *'Board Effectiveness: Keeping Pace with Changing Environment'* di Persidangan Audit Dalaman 2012 yang dianjurkan oleh Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM);
- *'Reflections on Oversight of Auditors of Financial Services Companies'* di Forum Audit ICAA-MICPA dengan tema *'Corporate Governance in Financial Services Companies – The Role of the Audit Committee'*; Forum mengenai *'Global Business Outlook'* anjuran MICPA; dan
- *'Enhancing the Value of Auditor Reporting-Boosting Confidence in the Capital Market'* di Persidangan Akauntan Antarabangsa 2012 MIA.

Kami mendapati bahawa isu kualiti audit telah memperoleh tarikan dalam kalangan ahli jawatankuasa audit. Bagaimanapun kami percaya lebih banyak yang boleh dilakukan untuk memastikan PIE menggunakan sumber yang mencukupi untuk memastikan fungsi pelaporan kewangan adalah berkesan, dan mampu memenuhi keperluan piawaian dan jangkaan pasaran.

MENYOKONG PENDIDIKAN PERAKAUNAN

Pendidikan perakaunan ialah salah satu daripada tonggak yang membolehkan pelaporan kewangan berkualiti tinggi. Dengan persekitaran perniagaan yang cepat berubah, keperluan bagi program perakaunan yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi untuk kekal relevan sangat ketara. Nilai program tersebut akan memberi kesan kepada siswazah perakaunan yang memasuki pasaran pekerjaan.

Dalam tahun 2012, AOB menyertai acara berikut untuk merapatkan jurang antara pengamal dan ahli akademik:

- Simposium Pendidik Perakaunan Kebangsaan yang dianjurkan oleh MIA yang mana AOB berkongsi pandangan mengenai isu pengukuhan dan peningkatan kualiti audit; dan
- Acara yang dianjurkan oleh institusi pengajian tinggi tempatan yang mana AOB berkongsi perkembangan aktiviti pemantauan audit global, perkembangan dalam amalan audit dan perkara-perkara yang ditemui dalam pemeriksaan audit AOB yang mempengaruhi kualiti audit.

PENYERTAAN BERTERUSAN DALAM IFIAR

Penyertaan dalam aktiviti IFIAR membolehkan AOB memahami perkembangan pemantauan audit di peringkat global dan membina hubungan kerja dengan pengawal selia pemantauan audit pelbagai negara.

Dalam tahun 2012, AOB menyertai dua Mesyuarat Pleno IFIAR yang diadakan di Busan, Korea dan London, United Kingdom.

Antara isu yang dibincangkan di Mesyuarat Pleno tersebut ialah:

- keadaan pasaran semasa dan pemerhatian pemeriksaan audit terkini;
- pembangunan dasar audit;
- isu kualiti audit dengan Jawatankuasa Dasar Awam Global (GPPC); dan
- pembabitan dengan pihak berkepentingan seperti pelabur dan kumpulan pengawal selia lain seperti Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO), Lembaga Kestabilan Kewangan (FSB) dan Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (BCBS).

Selain daripada itu, wakil daripada setiap negara membincangkan laporan kumpulan kerja IFIAR yang memfokuskan isu-isu khusus berkaitan dengan pemantauan juruaudit. Mereka terdiri daripada:

- Kumpulan Kerja Pelabur;
- Kumpulan Kerja Jawatankuasa Dasar Awam Global;
- Kumpulan Kerja Penyelarasan Piawaian;
- Kumpulan Kerja Bengkel Pemeriksaan; dan
- Kumpulan Kerja Kerjasama Antarabangsa.

Di samping mesyuarat pleno di London, AOB juga menghadiri Bengkel Kumpulan Kerja Kerjasama Antarabangsa. Tujuan bengkel ini adalah untuk membantu ahli IFIAR dalam membangunkan amalan

Ringkasan Laporan Pemerhatian Pemeriksaan IFIAR 2012

Ini merupakan kaji selidik global yang pertama mengenai pemerhatian pemeriksaan audit yang meringkaskan isu-isu yang telah dikenal pasti oleh ahli IFIAR di seluruh dunia. Kaji selidik ini adalah untuk mengenal pasti tahap aktiviti pemeriksaan dan pemerhatian pemeriksaan lazim berkaitan dengan pengauditan syarikat awam. Kaji selidik tersebut juga merupakan satu tindakan susulan terhadap permintaan daripada FSB untuk menyediakan maklumat mengenai pemerhatian daripada pemeriksaan ke atas pengauditan institusi kewangan terkemuka.

Terdapat pemerhatian audit yang serupa di kalangan ahli dalam beberapa tema pemeriksaan termasuk empat yang telah dibincangkan oleh IFIAR dengan wakil daripada enam rangkaian firma audit antarabangsa terbesar sejak 2010, iaitu skeptisisme profesional, audit kumpulan, perakuan hasil dan peranan penyemak kawalan kualiti tugas.

Walau bagaimana pun, kaji selidik tersebut menunjukkan bahawa banyak yang perlu dilakukan untuk memperbaiki konsistensi prestasi juruaudit. Sebagai contoh, keputusan kaji selidik mengesahkan bahawa ahli-ahli mendapati pemerhatian audit dalam beberapa bidang yang sama (tema pemeriksaan) merentasi bidang kuasa yang berbeza.

Keputusan kaji selidik menunjukkan bahawa pemerhatian pemeriksaan terbanyak bagi

pengauditan syarikat awam berlaku di bidang berikut:

- Ukuran nilai wajar;
- Ujian kawalan dalaman; dan
- Semakan kawalan kualiti tugas audit.

Pemeriksaan ke atas pengauditan institusi kewangan utama mendedahkan bahawa pemerhatian pemeriksaan yang serupa paling banyak diperoleh dalam bidang berikut:

- Ujian kawalan dalaman;
- Penilaian pelaburan dan sekuriti; dan
- Pengauditan ke atas peruntukan untuk kerugian pinjaman dan kemerosotan pinjaman.

Ramai ahli yang menjawab kaji selidik juga mendapati bahawa kurang skeptisisme profesional ke atas tugas audit adalah satu isu prestasi yang penting dan juga boleh jadi penyebab yang mendasari banyak pemerhatian pemeriksaan.

Berkenaan dengan pemeriksaan ahli ke atas sistem kawalan kualiti seluruh firma yang dimiliki oleh firma audit, keputusan kaji selidik mengetengahkan kekusaran mengenai dasar dan prosedur tersedia untuk membekalkan firma dengan jaminan wajar bahawa—

- tugas audit dijalankan menurut piawaian profesional dan keperluan undang-undang;

- firma memiliki kakitangan secukupnya dengan kompetensi teknikal, keupayaan dan komitmen kepada prinsip beretika yang diperlukan untuk menjalankan pengauditan; dan
- firma dan juruaudit mematuhi keperluan kebebasan dan etika.

Walaupun ahli yang memberi maklum balas kepada kaji selidik memperakui bahawa firma audit telah mengambil tindakan pemulihan ke atas pemerhatian pemeriksaan sebagai respons kepada pemerhatian pemeriksaan, kekerapan pemerhatian di antara bidang kuasa dalam pelbagai bidang pengauditan memperlihatkan bahawa juruaudit masih perlu memperbaiki konsistensi prestasi. Bahawa banyak pemerhatian yang berlaku dari tahun ke tahun mencadangkan bahawa firma audit mesti terus memperbaiki teknik pengauditan mereka serta dasar dan prosedur pemantauan mereka. Firma audit juga patut mengambil langkah untuk membangunkan analisa punca yang mantap untuk mendapatkan pemahaman mengenai faktor-faktor yang mendasari pemerhatian pemeriksaan dan mengambil tindakan sewajarnya untuk menangani pemerhatian tersebut.

terbaik berkaitan dengan kerjasama antarabangsa dan perkongsian maklumat dalam kalangan pengawal selia.

AOB juga menyertai bengkel pemeriksaan IFIAR di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu.

MEMPERKASAKAN KUMPULAN PENGAWAL SELIA AUDIT ASEAN

Sebagai satu sokongan ke atas aktiviti yang dijalankan oleh AARG, AOB menghadiri Bengkel Pemeriksaan Pengawal Selia Audit yang berlangsung di Singapura pada bulan Januari 2012. Dua belas sesi telah dijalankan di sepanjang bengkel tiga hari tersebut. Antara isu lain yang dibentangkan ialah Semakan ISQC1, Pemantauan Luar Tapak, Proses Penarafan Kelompok Setara dan Kemas Kini Teknikal mengenai IFRS dan Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IASB).

Dalam tahun 2012, AOB juga mengambil bahagian dalam mesyuarat dengan pengawal selia audit di rantau ASEAN di Singapura. Pada mesyuarat tersebut, pengawal selia audit dari Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia, Laos dan Vietnam telah berkongsi pengalaman dalam aktiviti pemantauan audit dan membincangkan isu-isu berkaitan dengan kualiti audit dan bidang-bidang untuk kerjasama.

Mesyuarat kedua Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN 2012 telah dianjurkan dalam bulan Mei di Kuala Lumpur. Pada mesyuarat ini, para pengawal selia audit daripada Singapura, Malaysia dan Thailand berkongsi maklumat tentang aktiviti pemantauan audit, isu-isu industri dan cara-cara bekerjasama dalam memperkukuhkan kualiti audit di ASEAN.

Bersempena dengan mesyuarat tersebut, Pengawal Selia Audit ASEAN menganjurkan sesi dialog bersama dengan pemimpin Empat Firma Audit Besar dari Malaysia, Singapura dan Thailand untuk membincangkan cabaran yang dihadapi oleh firma audit di rantau ini dan usaha pemulihan yang telah diambil.

Selain daripada sesi dialog tersebut, AOB juga menjadi tuan rumah untuk Perbincangan Meja Bulat AARG dengan agensi berkaitan yang lain dan wakil daripada Empat Firma Audit Besar untuk membincangkan isu berkaitan dengan pelaksanaan ISA 600: Pertimbangan Khusus – Pengauditan Penyata Kewangan Kumpulan (Termasuk Kerja-kerja Juruaudit Komponen).

Semasa sesi meja bulat tersebut, firma audit berkongsi cabaran yang mereka hadapi dalam melaksanakan piawaian, termasuk kesukaran yang dihadapi untuk mendapatkan maklumat daripada komponen penting yang diperakunkan di bawah metodologi ekuiti, terutamanya jika saham mereka tersenarai. Pengawal selia audit pula berkongsi pemerhatian mereka yang diperoleh melalui pemeriksaan audit di tiga negara mengenai penggunaan ISA 600 oleh juruaudit.

AOB juga menghadiri Persidangan Akauntan Awam Singapura yang dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Perakaunan dan Pengawalseliaan Korporat Singapura (ACRA).

PERKONGSIAN PENGALAMAN KAWAL SELIA AUDIT ANTARABANGSA

AOB terlibat dalam perkongsian pandangan dan pengalaman di beberapa acara antarabangsa berikut:

- Forum Dasar Serantau IFRS keenam dengan tema 'Penumpuan dan Seterusnya, Menerajui Perubahan' dalam bulan Mac 2012 – Pengarah Eksekutif mengendalikan satu forum bertajuk 'Kerangka Profesional dan Peraturan Undang-undang'.
- Bengkel Penyebaran ROSC AA – dianjurkan oleh AOB. Pengerusi Eksekutif telah mengendalikan satu sesi perbincangan mengenai 'Pengukuhan Kualiti Pelaporan Kewangan dan Pengauditan Syarikat Swasta' manakala Pengurus Besar dan Ketua AOB mengendalikan sesi perbincangan mengenai 'Ke Arah Profesion Perakaunan Yang Lebih Kukuh'. Wakil-wakil daripada Bank Dunia berkongsi dengan pihak berkepentingan yang berkaitan mengenai pemerhatian ROSC AA mereka.

AOB juga berkongsi pengalamannya dalam aktiviti pemantauan audit dengan Lembaga Pelaporan Kewangan Hong Kong dan Jabatan Penyeliaan Perakaunan, Perkhidmatan Penyeliaan Kewangan Korea.

MEMPERKUKUHKAN KERJASAMA DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN YANG LAIN

AOB menjalin kerjasama rasmi dalam pemantauan audit dengan JFSA dan CPAAOB melalui pertukaran surat semasa mesyuarat pleno Forum Antarabangsa Pengawal Selia Audit Bebas di London pada 3 Oktober 2012.

Kerjasama ini memudahkan pengawal selia audit untuk menyelia audit rentas sempadan ke arah


memperkuat kewajaran pasaran sekuriti dan perlindungan pelabur di negara masing-masing.

Pada 30 Oktober 2012, SC menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan BNM. MoU tersebut adalah lanjutan dari, dan memperkuat, MoU yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak, masing-masing dalam tahun 2002 dan 2007, dengan mengambil kira perubahan

landskap kewangan dan sistem kawal selia antarabangsa yang baharu.

Di antara bidang kerjasama ialah SC dan BNM bersetuju dengan kerangka kerja untuk kerjasama antara AOB dan BNM dalam mengakses kertas kerja firma audit yang mengaudit entiti di bawah pemantauan dan penyeliaan BNM.

Bahagian Empat Aktiviti Pemeriksaan



AKTIVITI PEMERIKSAAN

PENGENALAN

Misi AOB adalah untuk memupuk pengauditan bebas berkualiti tinggi untuk meningkatkan keyakinan dalam kualiti dan keandalan penyata kewangan PIE di Malaysia. Untuk melaksanakan kewajipannya, firma audit dan juruaudit berdaftar akan tertakluk kepada pemeriksaan oleh AOB, menurut seksyen 31V(1) Bahagian IIIA di bawah *Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993* (SCA), untuk menaksiri tahap kepatuhan dengan piawaian pengauditan dan etika oleh juruaudit dan kualiti laporan audit yang disediakan oleh juruaudit berhubung dengan penyata kewangan teraudit PIE.

Fungsi pemeriksaan adalah untuk mewujudkan pengawasan bebas bagi memantau juruaudit PIE melaksanakan kewajipan mereka menurut piawaian dan etika pengauditan serta keperluan undang-undang. Proses pemeriksaan tersebut direka bentuk untuk menilai kualiti audit yang dilaksanakan oleh firma audit. Sebagai tindakan susulan kepada pemerhatian yang dikenal pasti, firma audit dikehendaki mengenal pasti penyebab punca pemerhatian tersebut dan tindakan pemulihan wajar yang akan diambil ke arah meningkatkan kualiti audit.

RINGKASAN AKTIVITI

AOB memeriksa Empat Firma Audit Besar dan dua

Firma Audit Utama (secara kolektif dirujuk sebagai 'Firma Audit Utama') yang mempunyai lebih daripada 10 rakan niaga dan mengaudit lebih daripada 40 PIE setiap tahun. AOB berhasrat meliputi firma audit tahap sederhana dan empunya tunggal ("Firma Audit Lain") dalam satu kitaran pemeriksaan pratentu.

Pada tahun 2012, AOB menjalankan pemeriksaan biasa ke atas 19 firma audit yang mengaudit lebih daripada 95% daripada permodalan pasaran syarikat tersenarai awam atau 78% daripada jumlah PIE.

Pemeriksaan tersebut memfokuskan kepada kawalan kualiti keseluruhan firma audit dan pematuhan ISQC 1 dan Undang-undang Kecil MIA dengan semakan 37 tugasan audit PIE bagi pematuhan Piawaian Pengauditan Antarabangsa.

AOB turut membuat tindakan susulan dengan semakan pelan pemulihan yang dicadangkan oleh firma audit yang diperiksa. Menjelang penghujung tahun, AOB mengeluarkan 20 laporan pemeriksaan biasa akhir dan meluluskan 19 pelan pemulihan.

Dari segi pemilihan tugasan bagi pemeriksaan di bawah pendekatan berasaskan risiko, AOB mengambil kira industri khusus dan bidang berkaitannya di samping memilih tugasan berasaskan saiz. Pada 2012, AOB menjalankan pemeriksaan ke atas audit

bank yang tertumpu kepada rosot nilai pinjaman dan pendahuluan dan pengiktirafan hasil yang melibatkan audit teknologi maklumat (IT) dan melaksanakan semakan tematik ke atas industri pembrokeran saham.

AOB turut melaksanakan dua pemeriksaan khas berikutan keprihatinan khusus, sama ada oleh peristiwa atau isu industri yang mungkin mendatangkan risiko kepada perlindungan pelabur atau meningkatkan keprihatinan ke atas kualiti dan keandalan penyata kewangan teraudit.

Di samping pemeriksaan biasa dan khas, AOB turut menjalankan penyeliaan di luar tapak secara aktif, terbabit dengan firma audit, sama ada secara

langsung atau melalui profesion perakaunan untuk menyampaikan harapan kami, terutamanya firma audit yang belum diperiksa. Yang berikut adalah dialog yang dilaksanakan dalam tahun ini:

- 21 Mac 2012 – Dialog bersama Jawatankuasa Tata Amalan Awam MIA (PPC) untuk menjelaskan pemerhatian pemeriksaan AOB ke atas firma kecil dan sederhana; dan
- 21–23 November 2012 – Tiga sesi dialog bersama Firma Audit Utama dan Firma Audit Lain untuk menjelaskan pemerhatian pemeriksaan AOB dan untuk mendapatkan maklum balas tentang cabaran yang didepani oleh firma audit dalam industri.

Jadual 1

Kemajuan pemeriksaan pada tahun 2012, 2011 dan 2010


Tahun	Bil. firma audit diperiksa	Bil. Juruaudit individu diperiksa	Bil. tugasan audit diperiksa	Laporan pemeriksaan dikeluarkan	Pelan pemulihan diterima dan diluluskan
				Akhir	
2010 [^]	6	24	22	2	–
2011	17*	48	52	16	13
2012	19*	40	37	20	19
JUMLAH	42	112	111	38	32

[^] : Aktiviti pemeriksaan pertama bermula dalam bulan Ogos 2010.

* : Termasuk enam firma audit yang tertakluk kepada pemeriksaan tahunan.

Carta 1

Analisis pembabitan audit yang diperiksa pada tahun 2012 dan 2011 (mengikut sektor)



Jadual 2

Masa yang diambil oleh pasukan tugas pada pelbagai peringkat

	Perancangan		Pelaksanaan		Kesimpulan	
	Rendah	Tinggi	Rendah	Tinggi	Rendah	Tinggi
Firma Audit Utama	6%	22%	33%	86%	6%	46%
Firma Audit Lain	3%	30%	38%	92%	5%	32%

Jadual 2 memaparkan statistik yang dikumpulkan semasa pemeriksaan bagi peratusan masa yang diluahkan oleh pasukan tugas di pelbagai peringkat pelaksanaan audit daripada perancangan hinggalah kesimpulan.

AOB prihatin terhadap rendahnya peratusan masa yang digunakan untuk merancang dan melaksanakan kerja audit. Firma audit perlu memastikan sejumlah

masa yang sesuai digunakan untuk peringkat pengumpulan bukti bagi memastikan bukti yang sesuai dan mencukupi diperoleh untuk menyokong asas kepada pendapat audit.

Jadual 3 menunjukkan julat peratusan masa yang digunakan oleh rakan tugas dan penyemak kawalan kualiti tugas berkadaran dengan jumlah masa tugas.

Jadual 3

Peraturan masa yang digunakan oleh rakan tugas dan penyemak kawalan kualiti tugas

	Rakan Tugas		Penyemak Kawalan Kualiti Tugas	
	Rendah	Tinggi	Rendah	Tinggi
Firma Audit Utama	0.21%	8.40%	0.21%	0.79%
Firma Audit Lain	1.21%	8.60%	0.00%	2.90%

Semua pegawai pemeriksaan AOB telah melalui Program ISA ICAEW.

AOB mengiktiraf kepentingan perkongsian pengalaman dalam kalangan pengawal selia antarabangsa termasuk penandaan aras ketekalan pendekatan dan memahami isu baru muncul merentasi pelbagai negara kerana ini membolehkan kami menggunakan pengalaman tersebut dalam pemeriksaan kami.

Sehubungan itu, pada tahun 2012, AOB mengambil bahagian dalam bengkel pemeriksaan antarabangsa tahunan yang dianjurkan oleh IFIAR dan Bengkel Pemeriksaan Pengawal Selia Audit ASEAN Pertama yang dianjurkan oleh ACRA dan menjalankan latihan dalaman untuk memastikan pegawai pemeriksaan AOB mengikuti perkembangan terkini dalam piawaian perakaunan dan pengauditan.

Rakan tugas bertanggungjawab memastikan hala tuju, pengawasan dan prestasi tugas audit mematuhi piawaian profesional dan mengguna pakai

peraturan undang-undang dan pengawalseliaan. Penyemak kawalan kualiti tugas dikehendaki melakukan penilaian objektif terhadap keputusan yang dibuat oleh kumpulan tugas, dan kesimpulan yang dicapai dalam membentuk laporan juruaudit tersebut.

AOB mengambil berat apabila rakan tugas dan EQCR menghabiskan masa yang minimum dalam tugas audit seperti yang ditunjukkan dalam jadual di atas.

Rakan tugas dan EQCR dikehendaki menggunakan masa yang mencukupi supaya sepadan dengan tahap usaha yang dikehendaki untuk menyokong kumpulan tugas dalam melaksanakan audit.

GAMBARAN KESELURUHAN PEMERHATIAN

Umumnya, Firma Audit Utama terus menumpukan usaha memfokuskan kepada pelan pemulihan untuk menyokong kualiti audit. Walaupun AOB memerhatikan terdapat kerja-kerja berkualiti tinggi yang ditunjukkan oleh Firma Audit Utama, masih terdapat kesilapan serius dalam sesetengah fail tugas yang terpilih untuk pemeriksaan.

Pada semakan peringkat firma, AOB memfokuskan kepada amalan perniagaan dan tadbir urus sendiri, kerangka kerja kawalan pemantauan dan peranan serta tanggungjawab penyemak kawalan kualiti tugas.

Keputusan pemeriksaan tahun semasa AOB ke atas semakan tugas menunjukkan pemerhatian berulang seperti berikut:

- Siasatan risiko penipuan;
- Prosedur takat hasil;
- Tahap ujian kawalan;
- Pihak berkaitan dan transaksi pihak berkaitan;
- Prosedur audit berbilang lokasi;
- Prosedur analitis substansif;
- Pemahaman dan dokumentasi proses anggaran pengurusan;
- Susulan pengesahan; dan
- Disiplin dokumentasi.

Pemerhatian berulang menunjukkan pelan pemulihan Firma Audit Utama mungkin tidak cukup berkesan. AOB menghendaki supaya Firma Audit Utama melaksanakan analisis penyebab punca yang lebih berkesan untuk mengenal pasti pelan pemulihan lebih relevan dan mengukur keberkesanan pelan pemulihan tersebut.

AOB menghendaki supaya firma audit–

- menerima kekurangan yang dikenal pasti oleh AOB sebagai petunjuk bagi mereka membuat pemulihan;
- mengenal pasti dengan segera penyebab punca kekurangan tersebut;
- merangka dan melaksanakan tindakan pemulihan yang bersesuaian;

- memastikan keberkesanan hasil daripada tindakan pemulihan itu dan kemampuannya; dan
- memastikan mekanisme tadbir urus sendiri diguna pakai dengan tegas bagi menambah baik kualiti di kalangan firma audit.

Di samping itu, perkara-perkara yang berikut merupakan bidang pemerhatian utama yang dikenal pasti oleh AOB dalam pemeriksaan 2012 bagi Firma Audit Utama dan Firma Audit Lain:

- Perancangan dan penaksiran risiko;
- Aset dan rosot nilai muhibah;
- Anggaran;
- Ujian ke atas keandalan laporan atau data;
- Penggunaan pakar; dan
- Penyeliaan dan semakan oleh rakan tugas.

Pada tahun 2012, pemeriksaan ke atas Firma Audit Lain yang tidak diperiksa sebelum ini terus melaporkan jurang dalam dasar kawalan kualiti dan prosedur, dan pemakaian dasar dan prosedur tersebut masih lebih lazim diperhatikan dalam firma ini berbanding dengan yang diperiksa dalam 2011. Semakan fail tugas juga menunjukkan kelaziman yang berkait dengan ketidakpatuhan terhadap prosedur pengauditan asas ke atas asas pensampelan yang tidak tampak jelas dalam dokumentasi.

AOB mengharapkan semua juruaudit mengaudit penyata kewangan dengan skeptisisme profesional yang sewajarnya. Walaupun firma audit sering mendakwa bahawa kekurangan dokumentasi audit menjadi punca kekurangan audit, AOB mendapati bahawa, dalam banyak keadaan, punca asas kekurangan audit mungkin disebabkan ketakcukupan bukti audit. Juruaudit dikehendaki menilai bukti audit sebelum bergantung padanya. Sekiranya gagal,

juruaudit mungkin tidak mempunyai asas untuk menyokong pendapat mereka.

Meskipun bidang penambahbaikan yang diguna pakai oleh AOB tidak semestinya menunjukkan bahawa pendapat audit tidak wajar telah dikeluarkan, AOB mendapati bahawa ada beberapa perubahan kepada pendapat audit dalam tahun-tahun berikutnya selepas pemeriksaan AOB. AOB akan terus mencabar kecukupan dan kewajaran bukti audit yang digunakan untuk menyokong pendapat audit yang disediakan oleh juruaudit untuk meningkatkan keandalan penyata kewangan PIE.

PEMERHATIAN PENTING DARIPADA SEMAKAN PERINGKAT FIRMA DAN SEMAKAN TUGASAN FIRMA AUDIT UTAMA

Menetapkan nada yang betul daripada pihak atasan memacu mesej berkualiti

Walaupun kepimpinan yang teguh menetapkan nada bagi tingkah laku profesional dalam kalangan rakan mereka, mengekalkan kualiti yang tekal dalam prestasi tugas audit dalam kalangan firma audit terus menjadi cabaran utama. Ini terutama kerana firma audit sangat bergantung pada komposisi pasukan tugas audit.

Untuk menangani cabaran yang didepani oleh banyak firma berhubung dengan kekurangan bakat dan peningkatan beban kerja rakan tugas, AOB memerhatikan usaha oleh Firma Audit Utama untuk mengimbangi portfolio dan menentukur semula selera risiko mereka. Ini menyebabkan Firma Audit Utama mengetepikan sesetengah pelanggan audit dengan profil risiko tertentu untuk membolehkan penggunaan

sumber yang lebih baik bagi menghasilkan kerja audit berkualiti. Bagaimanapun, mengimbangi risiko dengan kapasiti akan terus menjadi cabaran yang didepani oleh Firma Audit Utama.

Pada tahun 2012, manfaat daripada imbangan semula beban kerja rakan tidak sepenuhnya direalisasikan kerana AOB terus mendapati kekurangan di peringkat tugas. Walaupun sesetengah firma audit telah cuba mengagihkan beban kerja rakan tugas, statistik yang dikumpulkan semasa pemeriksaan menunjukkan rakan tugas melaporkan ketidakcukupan masa. Tumpuan audit dengan tahun kewangan yang sama dan permintaan yang serupa daripada audit bukan PIE terus menyumbang kepada cabaran ke atas beban kerja rakan tugas.

AOB mengulangi keperluan firma audit untuk mempertimbangkan semula kebolehan dan keupayaan mereka berhubung dengan masa dan sumber sebelum menerima tugas audit baharu. Memandangkan terdapat pergerakan pelanggan audit dari satu firma audit ke firma audit lain, firma audit yang mempertimbangkan penerimaan bakal pelanggan audit diingatkan agar mematuhi dan mengguna pakai proses penerimaan pelanggan yang sesuai. Begitulah juga, juruaudit terdahulu dikehendaki memberikan kerjasama profesional apabila pengesahan profesional diminta dan kedua-dua pihak diingatkan tentang keperluan mematuhi proses piawaian/peraturan yang bersesuaian dan difahami maksudnya.

Memantau sistem kawalan kualiti

AOB terus menekankan kepentingan mempunyai dasar dan prosedur pemantauan sistem kawalan kualiti untuk menjaga kualiti audit. Walaupun Firma Audit Utama telah menunjukkan bahawa reka bentuk

yang mencukupi telah disediakan, kekurangan yang berikut telah dikenal pasti:

- Aspek kualitatif tidak dinilai dalam menentukan keseriusan pemerhatian untuk mengenal pasti pelan pemulihan yang sepadan;
- Penjelasan tidak mencukupi bagi pemerhatian dan pelan tindakan susulan berikutnya;
- Tumpuan kepada penyiapan senarai semak dan pematuan metodologi dan bukan intipati mereka; dan
- Tindakan yang diambil terhadap rakan tugas berkaitan tidak sepadan dengan keseriusan pemerhatian yang dikenal pasti.

Terdapat juga keadaan yang mana pemeriksaan AOB mendedahkan pemerhatian yang berbeza daripada yang dikenal pasti oleh pasukan semakan kawalan pemantauan firma berkenaan. Ini meningkatkan kebimbangan tentang keberkesanan semakan kawalan pemantauan yang dilaksanakan oleh firma tersebut secara dalaman atau melalui firma rangkaian.

Prestasi tugas

Penyemak kawalan kualiti tugas

EQCR memainkan peranan penting dalam kualiti audit dengan menyediakan penilaian bebas dan objektif berhubung bidang penilaian utama, khususnya dalam perkara berisiko tinggi dan penaksiran sama ada prosedur audit dan dokumentasi berkaitan menyokong kesimpulan yang dicapai. Seperti tahun lalu, AOB terus prihatin terhadap kualiti kerja yang dilaksanakan oleh EQCR, memandangkan

kekurangan yang dikenal pasti oleh AOB dalam pemeriksaan 2012. Walaupun pada masa ini tidak terdapat kerangka kerja kebertanggungjawaban EQCR, terdapat pertimbangan oleh beberapa firma untuk meningkatkan kebertanggungjawaban EQCR melalui pelbagai cara:

- Tugas EQCR dijadikan KPI untuk rakan-rakan;
- Impak ke atas penilaian prestasi EQCR; dan
- Penekanan tugas EQCR semasa semakan kualiti dalaman.

Pada tahun 2012, AOB menjalankan sesi temu duga dengan EQCR bagi tugas yang diperiksa untuk membincangkan kefahaman tentang peranan dan tanggungjawab mereka serta cabaran yang ada padanya. Sering disebut bahawa sebahagian besar penglibatan EQCR adalah dalam penilaian utama yang dibuat dalam bidang signifikan yang dibawa kepada perhatian mereka oleh pasukan tugas. Dengan ini, sewajarnya EQCR tidak semestinya mengenal pasti semua isu. AOB tidak melihat ini sebagai justifikasi kepada kegagalan EQCR dalam memainkan peranannya sebagai penyemak kawalan kualiti yang objektif dan berkesan.

Malah, terdapat keadaan yang mana EQCR telah mengambil inisiatif untuk lebih terlibat dalam semakan tugas yang menghasilkan audit kualiti yang lebih baik. Keadaan ini sangat-sangat digalakkan oleh AOB.

Menjadi kewajipan profesional setiap EQCR untuk memahami tanggungjawab dalam melaksanakan peranan EQCR yang akan merangkumi pengamalan skeptisisme profesional untuk menyediakan cabaran yang relevan tentang bidang penilaian yang utama. Sewajarnya, mesej tentang peranan EQCR dalam menyediakan 'penilaian objektif' tugas audit perlu diperkukuh.

Dalam pelan pemulihan Firma Audit Utama, terdapat beberapa kemajuan untuk memperkemas peranan EQCR, dan ini dipacu oleh firma rangkaianannya. Bagaimanapun, AOB terus mengenal pasti kesilapan dalam semakan tugas yang mendedahkan bahawa EQCR mungkin tidak berkesan.

Skeptisisme profesional

AOB mendapati bahawa Firma Audit Utama telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memperkukuh pentingnya mengamalkan skeptisisme profesional semasa melaksanakan kerja audit mereka. Ini merangkumi latihan terpandu dan komunikasi berstruktur tentang skeptisisme profesional. Skeptisisme profesional terdiri daripada dua bahagian, pengauditan dengan minda yang sentiasa bertanya dan menganalisis bukti audit secara kritis. Sering kali, pemerhatian daripada pemeriksaan AOB menunjukkan juruaudit telah gagal menganalisis bukti audit secara kritis.

Walaupun AOB percaya bahawa lebih banyak usaha perlu digarapkan merentasi industri audit, guna pakai skeptisisme profesional adalah berbeza-beza, bergantung pada tahap skeptisisme yang diperlukan semasa mengaudit tugas audit tertentu.

AOB akan terus memberikan perhatian khusus kepada guna pakai skeptisisme profesional dalam pemeriksaan 2013.

Bidang yang berikut adalah bidang yang kerja audit yang telah mempamerkan kurang skeptisisme profesional oleh pasukan tugas sebagaimana yang didapati oleh pemeriksaan AOB:

- Ramalan aliran tunai untuk menyokong penaksiran aset rosot nilai tidak disokong oleh keputusan lampau syarikat atau trend hasil berkurangan;

- Tidak ada cabaran ke atas anggaran pengurusan atau bajet berhubung dengan kos untuk menyiapkan projek;
- Tidak ada penilaian lanjut ke atas representasi pengurusan;
- Tidak ada tindakan susulan ke atas bukti yang kurang atau bercanggah dalam kertas kerja audit; dan
- Meskipun kewujudan faktor khusus mendatangkan risiko berhubung dengan kelolaan kawalan pengurusan, risiko yang mungkin timbul tidak dikenal pasti atau dinilai.

Kebergantungan pada metodologi audit

AOB amat bimbang apabila juruaudit bergantung penuh pada metodologi audit firma tanpa menggarapkannya ke dalam situasi audit mereka. Walaupun metodologi audit memerihalkan prosedur audit yang akan dilaksanakan, ia tidak menunjukkan bagaimana hendak menilai bukti audit atau apa yang perlu dicari. Apabila sebahagian besar metodologi disokong oleh senarai semak, ini boleh terus menyempitkan proses berfikir juruaudit terutamanya apabila juruaudit terburu-buru hendak menepati tarikh akhir dengan menyiapkan senarai semak dan tidak mengambil kira isu daripada perspektif yang lebih luas.

Penilaian bukti audit

Terdapat keperluan yang berterusan bagi juruaudit untuk menganalisis bukti audit secara kritis. Terdapat beberapa keadaan yang AOB dapati kekurangan atau bukti bercanggah dalam kertas kerja audit.

Bagaimanapun, tidak ada penaksiran lanjut dilaksanakan oleh juruaudit untuk menghapuskan kekurangan tersebut.

Terdapat juga keadaan yang bukti audit adalah bergantung pada dokumen janaan dalaman PIE dan tiada prosedur audit lanjutan dilaksanakan untuk menentukan keandalan dokumen tersebut.

Oleh kerana terdapat kebimbangan berhubung dengan risiko penipuan dan amalan perniagaan, kewaspadaan juga perlu ditingkatkan untuk memastikan bukti andal diperoleh dan kualiti audit tidak terjejas.

Kekurangan dalam prosedur pengauditan asas

AOB mendapati pelbagai keadaan kekurangan, yang mana firma audit memperoleh bukti audit daripada gabungan prosedur kawalan dan analitis substantif. Kekurangan ini merangkumi tahap kawalan yang diuji hinggalah kesilapan kawalan yang diuji. Terdapat juga keadaan yang kawalan yang diuji menghasilkan pengecualian. Bagaimanapun, tiada pengaturan audit tentang perkara ini bagi memastikan bagaimana kawalan tersebut dapat disandari. Dalam keadaan lain, AOB perhatikan prosedur analitis substantif tidak dilaksanakan menurut ISA 520 yang menghendaki prosedur tersebut:

- menentukan kesesuaian prosedur analitis substantif;
- menilai keandalan data yang digunakan untuk menetapkan jangkaan;
- membina jangkaan dan nilai sama ada jangkaan tersebut cukup jitu; dan

- menetapkan batas untuk menyiasat perbezaan.

Terdapat beberapa keadaan yang data sedia ada merupakan subjek analitis dan data tersebut tidak ditentusahkan ketepatannya.

Ketekalan kualiti audit di pejabat cawangan

Pada tahun 2012, AOB memilih semakan tugas dari pejabat cawangan dan mendapati beberapa kes yang kekurangannya lebih lazim di pejabat cawangan. Nada tekal dan kawalan lebih ketat diperlukan daripada pihak atasan kepada pengurus di pejabat cawangan dan untuk memastikan ketekalan prestasi di seluruh pejabat cawangan.

Pengurusan mengatasi kawalan

Adalah penting untuk terus-menerus menilai dan menyimpulkan sewajarnya tentang kesedaran berkenaan kawalan pengurusan dan gaya operasi. AOB sering mendapati bahawa tiada penilaian lanjut dilaksanakan bagi situasi yang mana pengurusan mengatasi kawalan walaupun terdapat petunjuk yang lazim. Ini penting kerana ia menentukan sama ada prosedur audit perlu dilanjutkan untuk mengurangkan risiko kawalan diatasi pengurusan.

Semakan tematik ke atas firma pembrokeran saham

Sebagai sebahagian daripada pemeriksaan dalam 2012, AOB turut melaksanakan semakan tematik ke atas audit firma pembrokeran saham. Pemeriksaan tematik ini menunjukkan pemerhatian biasa dalam

bidang tertentu seperti prosedur penaksiran risiko, hasil dan wang pelanggan yang dipegang dalam amanah.

Contoh kekurangan adalah seperti yang berikut:

- Prosedur audit terhadap siasatan penipuan dengan juruaudit dalaman tidak dilaksanakan;
- Prosedur audit yang mencukupi tidak dilaksanakan untuk menguji volum dan kadar pembrokeran;
- Tidak semua sumber hasil dirangkumkan dalam audit kerana ketiadaan kefahaman tentang penempatan perdagangan dan model perniagaan pelanggan;
- Keperluan penzahiran Wang Pelanggan Dipegang dalam Amanah tidak ditentukan untuk dipertimbangkan oleh juruaudit; dan
- Semakan tidak mencukupi tentang peruntukan bagi hutang ragu, termasuk ketakfahaman tentang proses dan kawalan anggaran pengurusan.

Bidang signifikan seperti hasil, yang rentan kepada risiko penipuan, akan terus menjadi bidang tumpuan bagi audit pembrokeran saham. Kawalan penting sekitar proses dan sistem pembrokeran saham yang kompleks perlu terus difahami, terutamanya apabila ia melibatkan audit broker asing yang pergantungannya sering disandarkan pada sokongan serantau dalam menentukan pemakaian sistem dan kawalan am.

Di samping pemerhatian yang dilaporkan, terdapat juga amalan berbeza dalam pembentangan dan

penzahiran dalam penyata kewangan berhubung dengan amaun yang perlu dibayar kepada atau amaun yang diterima daripada bursa saham. Terdapat banyak keadaan yang amaun dizahirkan berdasarkan amaun bersih berbanding dengan satu keadaan lain yang mana baki didedahkan pada amaun kasarnya.

PEMERHATIAN PENTING DARIPADA SEMAKAN PERINGKAT FIRMA DAN SEMAKAN TUGASAN FIRMA AUDIT LAIN

Nada daripada pihak atasan

Dalam tahun kedua pemeriksaan Firma Audit Lain, kami terus memerhatikan kekurangan yang mana tiada kerangka kerja holistik yang mentakrif, mengukur, memantau dan mengganjari kualiti audit. Ini berpunca daripada ketiadaan perjanjian perkongsian rasmi untuk mengawal amalan mereka dan ketiadaan penilaian prestasi kualiti.

AOB menghendaki pemimpin Firma Audit Lain terus memacu mesej dan membina keupayaan untuk menyokong kualiti audit.

Kebebasan dan etika

Kebebasan adalah asas kepada kerja audit. Justeru, adalah penting bagi firma audit mempunyai dasar, prosedur dan dokumen yang relevan untuk menyokong hakikat keadaan yang mungkin menimbulkan ancaman kepada kebebasan. Pemeriksaan AOB menunjukkan sebilangan Firma Audit Lain yang tidak mempunyai sistem pematuhan bebas dan proses untuk menyokong pematuhan terhadap keperluan etika.

Disebabkan bilangan rakan yang kurang dalam Firma Audit Lain, AOB mendapati banyak pelanggaran peraturan pergiliran rakan setiap lima tahun. AOB telah memberikan peringatan kepada firma ini dan sesetengahnya dengan segera memperbaiki situasi tersebut atau mencadangkan tindakan pemulihan. Adalah penting bagi Firma Audit Lain menyedari akan peraturan tersebut dan mengambil tindakan proaktif untuk memperbetulkan situasi bagi memastikan kebebasan mereka dan mengukuhkan komitmen mereka ke arah kualiti audit.

Bidang kebebasan dan pematuhan keperluan etika lain akan terus menjadi bidang tumpuan AOB bagi pemeriksaan akan datang kerana AOB menghendaki firma audit mematuhi keperluan dengan sebenar-benarnya dan bukan sekadar zahir sahaja bagi mengurangkan ancaman yang relevan.

Sumber keperluan latihan

Latihan adalah elemen asas untuk memastikan rakan-rakan dan kakitangan mengikuti perkembangan terkini dalam piawaian pelaporan kewangan. Bagaimanapun, pemeriksaan AOB ke atas sesetengah Firma Audit Lain menunjukkan beberapa rakan dan kakitangan tugas yang tidak mengikuti perkembangan ISA Diperjelas (*Clarified ISA*) dan Piawaian Pelaporan Kewangan baharu/semakan untuk diguna pakai dalam tugas audit.

Proses penerimaan pelanggan

Proses penerimaan dan penerusan pelanggan adalah penting kerana ia membolehkan penaksiran ke atas bakal pelanggan audit, sama ada untuk menerima tugas berdasarkan risiko, keupayaan, kecekapan dan bayaran audit. Oleh sebab adanya

corak memisahkan langganan pelanggan audit oleh Firma Audit Utama, Firma Audit Lain diingatkan untuk melaksanakan 'penilaian objektif' ke atas penerimaan bakal pelanggan audit kerana mungkin terdapat risiko yang tidak semestinya lazim dan didokumentasikan dalam surat pelepasan profesional daripada juruaudit yang sebelumnya.

AOB terus mendapati keadaan yang Firma Audit Lain tidak mempunyai dasar dan prosedur penerimaan pelanggan yang lengkap.

Memantau dasar kawalan kualiti dan prosedur

Pemeriksaan AOB menunjukkan kekurangan yang ketara dalam pemantauan dasar kawalan kualiti dan prosedur Firma Audit Lain. Kekurangan ini ada pelbagai, daripada tidak mempunyai kerangka kerja pemantauan mantap, hinggalah kepada semakan pemantauan terhad kepada semakan kualiti ke atas tugas audit sahaja dan bukan ke atas sistem kawalan kualiti firma.

Walaupun sering disebut bahawa ini masih menjadi cabaran kepada Firma Audit Lain disebabkan kekangan sumber, AOB mengingatkan bahawa kos tidak seharusnya menjadi alasan untuk tidak menyediakan sistem tersebut.

Proses pemantauan merangkumi pengujian dasar kawalan kualiti dan prosedur firma untuk menunjukkan keberkesanan proses tersebut. Ini akan memudahkan dan membolehkan langkah pemulihan susulan yang wajar diambil untuk menjaga kualiti audit. Proses mantap juga seharusnya menangani kes yang mana hasil prosedur pemantauan menunjukkan bahawa laporan audit mungkin tidak wajar atau prosedur tidak dilakukan semasa melaksanakan tugas audit.

Prestasi tugas

Penyemak kawalan kualiti tugas

Pemeriksaan AOB mendapati banyak keadaan yang EQCR bukan rakan yang berdaftar dengan AOB meskipun keperluan tersebut jelas dinyatakan dalam *AOB Registration Handbook*. Walaupun AOB telah memberikan kelonggaran bagi kes tertentu, Firma Audit Lain diingatkan agar memastikan pematuhan penuh dalam 2013.

Pemerhatian daripada pemeriksaan AOB bagi Firma Audit Lain diteruskan untuk meningkatkan keprihatinan terhadap keberkesanan peranan EQCR dalam tugas audit.

Skeptisisme profesional

Firma Audit Lain diingatkan agar meningkatkan skeptisisme profesional mereka semasa melaksanakan kerja audit mereka dalam mempersoalkan keandalan bukti audit dan menganalisis bukti audit secara kritis. Meningkatkan kesedaran sikap sedemikian dalam kalangan ahli pasukan audit adalah penting untuk menjaga kualiti audit.

Berikut adalah bidang kerja audit yang mempamerkan ketiadaan skeptisisme profesional oleh pasukan tugas yang diperhatikan dalam pemeriksaan AOB:

- Ramalan aliran tunai untuk menyokong penaksiran aset rosot nilai tidak disokong oleh keputusan lampau syarikat atau trend berkurangnya hasil;

- Tiada kerja lanjutan dilaksanakan untuk memastikan keandalan salinan pengesahan yang difakskan;
- Kecenderungan untuk bergantung pada representasi pengurusan tanpa pengesahan lanjut; dan
- Prosedur audit untuk memahami anggaran pengurusan tidak dilaksanakan.

Rundingan audit

AOB mendapati bahawa sesetengah Firma Audit Lain masih belum ada dasar dan prosedur rundingan yang relevan. Dalam pelbagai situasi yang diperhatikan oleh AOB, rundingan tentang bidang perakaunan kritikal dan hal-hal pengauditan adalah penting untuk menyokong asas pendapat audit. Justeru, AOB bimbang sekiranya tiada dasar yang memerlukan dokumentasi dan/atau rundingan tentang transaksi kompleks atau bidang penilaian kritikal.

Bukti audit tidak cukup atau tidak sesuai

Sebagaimana dalam tahun-tahun terdahulu, AOB mengenal pasti sebilangan keadaan yang mana terdapat bukti audit yang tidak cukup atau tidak sesuai dalam perkara audit berisiko tinggi. Terdapat keadaan yang penaksiran risiko audit tidak tampak jelas dalam kertas kerja audit. Terdapat juga banyak keadaan kebergantungan juruaudit pada prosedur alternatif. Bagaimanapun, prosedur alternatif yang dilaksanakan tidak sesuai untuk menyokong objektif yang dirancang bagi audit tersebut.

AOB ingin menekankan keperluan untuk segera menambah baik bukti audit kualiti untuk menyokong asas pendapat audit.

Kekurangan dalam prosedur pengauditan asas bagi pelaksanaan tugas dijelaskan selanjutnya di bawah

Perancangan dan penilaian risiko

Kepentingan perancangan audit harus diberikan penekanan, kerana ia membentuk strategi audit keseluruhan bagi tugas dan pembangunan pelan audit. Ia berguna untuk memastikan perancangan yang betul distrategikan untuk mengenal pasti bidang risiko dan bidang berkaitan yang signifikan dalam tugas audit. Ia menetapkan arah kepada anggota pasukan tugas untuk melaksanakan kerja audit sebagaimana yang dirancang dan untuk membuat perubahan, sekiranya perlu dan relevan. Menetapkan jangkaan merupakan satu daripada fungsi utama terutamanya apabila kemahiran dan kepakaran berbeza diperlukan untuk membantu dalam tugas audit.

Walaupun selera risiko firma audit boleh mempengaruhi strategi audit mereka, AOB memerhatikan selera risiko mereka tidak semestinya sejajar dengan risiko pasaran modal. Elemen risiko perniagaan yang mungkin timbul yang diambil kira semasa merangka pendapat audit boleh menjejaskan risiko audit bagi tugas audit. Juruaudit perlu berwaspada terhadap selera risiko mereka sendiri semasa merangka kesimpulan audit.

Pemeriksaan AOB menunjukkan kecenderungan beberapa Firma Audit Lain untuk segera melaksanakan prosedur substantif tanpa perancangan audit komprehensif. Terdapat banyak keadaan yang

perancangan dilaksanakan tidak memadai untuk menangani risiko pada peringkat penyata kewangan dan pernyataan.

Pensampelan

AOB terus memerhatikan kekurangan yang berikut dalam pensampelan:

- Tiada dokumen untuk menyokong asas pemilihan sampel bagi kawalan dan ujian substantif;
- Pendekatan tidak berstruktur dalam mengenal pasti kaedah pensampelan;
- Kesempurnaan populasi di tempat sampel dipilih tidak ditentusahkan; dan
- Tiada bukti untuk menyokong alasan bagi populasi yang tidak diuji yang amaunnya melebihi batas kematangan.

Pengaturan audit kumpulan

Sama seperti tahun terdahulu, dalam mempertimbangkan tahap penglibatan juruaudit utama dan penggunaan kerja juruaudit komponen lain, AOB mengenal pasti kekurangan dalam proses perangkuman, dan ketekalan dalam pemakaian kerja dilakukan berdasarkan batas yang ditetapkan.

Terdapat juga keperluan untuk menilai secara kritis kerja juruaudit komponen. Dalam banyak keadaan, juruaudit utama tidak tekun mengikuti perkembangan juruaudit komponen berhubung dengan kebolehhantaran pelaporan mereka.

AOB turut memerhatikan terdapatnya kecenderungan Firma Audit Lain untuk bergantung penuh pada kerja yang dilaksanakan oleh juruaudit komponen khususnya apabila juruaudit komponen tersebut daripada Firma Audit Utama. Ini tidak sepatutnya berlaku kerana peranan juruaudit utama ditakrif dengan jelas dalam ISA Diperjelas 600. Jika syarikat subsidiari utama diaudit oleh firma audit lain, proses penerimaan pelanggan perlu dilihat semula sama ada risiko yang timbul daripada juruaudit komponen dapat diurus.

Transaksi pihak berkaitan dan penzahiran

Dalam pemeriksaan 2012, masih terdapat jurang dalam audit transaksi ke atas pihak berkaitan. Khususnya, terdapat prosedur audit tidak memadai dilaksanakan untuk menyemak proses pengurusan untuk mengenal pasti pihak berkaitan dan transaksi pihak berkaitan. Kecenderungan pergantungan pada representasi pengurusan ke atas transaksi pihak berkaitan hendaklah disemak dengan kecurigaan profesional.

AOB terus mengingatkan firma audit bahawa penzahiran yang dibuat ke atas transaksi 'selengan' (*arm's length transaction*) mestilah disokong oleh prosedur audit untuk menentusahkan transaksi menurut Piawaian Pelaporan Kewangan 124 – "Penzahiran Pihak Berkaitan".

Pengesahan pihak ketiga

Pemeriksaan AOB terus mendedahkan pemerhatian ke atas ketepatan waktu tindakan susulan dengan pihak ketiga berhubung dengan pengesahan audit. Walaupun ia terus menjadi cabaran kepada profesion

audit, ia tidak boleh digunakan sebagai alasan untuk tidak melaksanakan kerja alternatif untuk memastikan objektif audit yang dirancang telah dicapai.

Dalam persekitaran semasa yang mana kes penipuan terkini lebih dimudahcarakan dengan penggunaan dokumen palsu, firma audit perlu terus berwaspada dalam hal ini. Untuk bergantung pada salinan pengesahan dalam bentuk fotokopi, salinan imbasan dan salinan faksimile, kerja pengesahan lanjut perlu dilakukan bawah piawaian pengauditan.

Semakan analitis substantif

Ini merupakan isu berulang yang mana banyak firma audit bergantung pada semakan analitis sebagai satu daripada prosedur audit mereka, khususnya berhubung dengan item penyata pendapatan. AOB mendapati bahawa majoriti Firma Audit Lain mungkin tidak melaksanakan prosedur tersebut secukupnya. Prosedur yang berikut diperlukan oleh ISA Diperjelas dalam pelaksanaan semakan analitis substantif:

- Menentukan kesesuaian prosedur analitis substantif;
- Menilai keandalan data yang digunakan untuk menetapkan jangkaan;
- Membangunkan jangkaan dan menilai sama ada jangkaan tersebut cukup jitu; dan
- Menetapkan batas untuk menyiasat perbezaan.

AOB terus mendapati bahawa semakan analitis substantif yang dilaksanakan oleh majoriti Firma Audit Lain terhad kepada perbandingan angka-angka tahun semasa dengan tahun terdahulu.

Keperluan ISA Diperjelas tidak dipenuhi dan ini telah mengkompromikan kualiti bukti audit untuk menyokong kesimpulan audit.

AOB memerlukan pematuhan ISA Diperjelas dengan semerta memandangkan tahun ini adalah tahun kedua selepas tarikh kuat kuasa ISA Diperjelas.

Pembentangan dan penzahiran

AOB mendapati terdapat keadaan yang menunjukkan kekurangan dalam prosedur audit yang dilaksanakan untuk menentusahkan pengelasan dalam kedudukan penyata kewangan menurut piawaian perakaunan relevan yang berikut:

- Piawaian Pelaporan Kewangan 117 – Pajak;
- Piawaian Pelaporan Kewangan 5 – Aset dan Liabiliti Dipegang untuk Jualan; dan
- Piawaian Pelaporan Kewangan 101 – Pembentangan Penyata Kewangan.

AOB mengingatkan bahawa mana-mana pemisahan penting antara keperluan pengelasan dengan penzahiran boleh menjejaskan asas pendapat audit.

PEMULIHAN DAN PENYEBAB PUNCA

Pemulihan

Dalam 2012, sama seperti tahun terdahulu, yang berikut adalah antara bidang pemulihan bagi Firma Audit Utama dan Firma Audit Lain:

- Mengukuhkan struktur tadbir urus, memperkemas pelan penambahbaikan kualiti audit;

- Meningkatkan proses konsultasi;
- Meningkatkan penilaian prestasi rakan tugas dan kakitangan;
- Pelan latihan tahunan berstruktur dan perubahan relevan ke atas manual, dasar dan prosedur audit;
- Memperkemas pendekatan skeptisisme profesional;
- Peningkatan peranan penyemak kawalan kualiti tugas; dan
- Komitmen untuk menguatkuasakan pematuhan berhubung dengan dokumentasi yang betul dan relevan.

Dalam pemeriksaan tahun semasa, AOB melaksanakan semakan susulan ke atas usaha pemulihan yang diambil dengan memeriksa prosedur audit yang dilaksanakan dalam audit berikutnya bagi tugas yang berkaitan dalam Firma Audit Utama.

Sesetengah langkah positif yang diperhatikan oleh AOB termasuk yang berikut:

- Komunikasi dan kolaborasi lebih baik antara juruaudit kewangan dengan juruaudit IT untuk menangani kekurangan dalam prosedur audit;
- Prosedur audit dan dokumentasi yang dipertingkatkan untuk menyokong pemahaman pemprosesan sistem relevan dan kawalan pemakaian untuk menangani pernyataan audit relevan; dan
- Penggunaan Teknik Audit Dibantu Komputer (CAATS) untuk memudahkan ujian yang cekap dan berkesan ke atas laporan untuk menyokong asas kebergantungan oleh juruaudit kewangan.

Walau apa pun yang dinyatakan di atas, pemeriksaan AOB diteruskan untuk mengenal pasti isu berulang yang mungkin membangkitkan persoalan tentang keberkesanan pelan pemulihan. AOB percaya firma audit perlu mengukur keberkesanan pelan pemulihan. Mengenal pasti penyebab punca sebenar adalah penting kerana ia membawa kepada pelan pemulihan yang relevan dan betul.

Pemerhatian pemeriksaan adalah tekak dengan pemerhatian yang ditemui oleh pengawal selia audit lain di seluruh dunia dan tekak dengan tinjauan terkini yang dikeluarkan oleh IFIAR. Justeru, kepentingan analisis penyebab punca terperinci diperlukan bagi pemulihan.

Penyebab punca

AOB seterusnya menganalisis penyebab punca kekurangan audit yang mungkin timbul:

- Ketiadaan pacuan mesej kualiti audit daripada pemimpin;
- Ketiadaan kefahaman tentang perniagaan pelanggan audit;
- Pendekatan mekanikal dalam memenuhi keperluan latihan dan tidak memahami impak pemakaian piawaian;
- Ketiadaan sokongan teknikal untuk menjaga kualiti audit;
- Ketiadaan kefahaman tentang ISA Diperjelas dan manual audit yang lapuk;
- Ketiadaan kefahaman tentang impak tahap ujian kawalan ke atas prosedur audit substantif;
- Terlalu bergantung pada metodologi audit;
- Ketiadaan penggunaan kecurigaan profesional dalam menilai bukti audit dan menaakul;
- Ketiadaan penglibatan yang tepat pada

masanya dan penyeliaan yang tidak mencukupi oleh rakan tugas; dan

- EQCR yang tidak berkesan.

Kekangan sumber

AOB memperakui adanya cabaran berhubung dengan bekalan bakat dalam profesion pengauditan. Ini adalah antara isu yang dibincangkan semasa sesi dialog yang diadakan bersama juruaudit berdaftar untuk mendapatkan maklum balas tentang corak dalam industri. Memandangkan ini adalah isu yang diketahui sejak sekian lama, dan tidak akan diselesaikan segera, adalah penting bagi firma audit untuk terus mencari pelbagai cara dan proses untuk menguruskan risiko yang timbul daripada kekangan dan kadar hakisan bakat yang tinggi.

Pengehadan tersebut tidak boleh dijadikan alasan untuk bertolak ansur dengan kualiti kerja audit.

Fungsi pelaporan pelanggan audit

AOB mengakui cabaran yang dihadapi oleh firma audit yang mana fungsi pelaporan kewangan pelanggan itu sendiri tidak dihalakan ke aras pelaporan kewangan berkualiti. Ini juga mungkin disebabkan oleh tiadanya tadbir urus dalaman bagi pelanggan audit. Bagaimanapun, firma audit diingatkan bahawa semasa proses tugas penerimaan, mereka hendaklah menilai atau memahami keadaan fungsi pelaporan kewangan bagi bakal pelanggan dan risiko yang ada supaya perkara ini diurus sewajarnya semasa melaksanakan kerja audit.

Jika risiko tersebut terlalu tinggi untuk diterima, maka firma audit perlu memutuskan dengan penuh

maklum sama ada wajar atau tidak untuk menerima pelanggan audit. Bagaimanapun, sebaik sahaja diterima, firma audit dianggap bersetuju menerima risiko berkaitan dan perlu menguruskan risiko tersebut sewajarnya.

Memahami risiko audit

AOB juga mengingatkan firma audit bahawa anggapan untuk memfokuskan hanya kepada risiko terlebih nyata hasil dan aset atau risiko berkurangan nyata perbelanjaan dan liabiliti mungkin tidak meliputi secukupnya risiko audit bagi satu-satu tugas audit.

Ini tidak sepatutnya menjadi alasan untuk melaksanakan kerja audit substandard dalam bidang lain dan pernyataan dan amalan kecurigaan profesional akan membolehkan juruaudit mengenal pasti bidang risiko tinggi lain.

Pengehadan akses kepada maklumat

AOB mengiktiraf isu lazim semasa yang timbul daripada akses maklumat yang terhad kepada syarikat bersekutu khususnya apabila syarikat bersekutu tersebut adalah syarikat tersenarai awam. AOB mengingatkan firma audit bahawa akses tersebut hendaklah dibincangkan terlebih dahulu bersama pelanggan audit sebelum menerima kerja audit tersebut.

Tekanan yuran dan tekanan untuk menambah baik kecekapan

Pengurangan yuran audit bagi perniagaan kompleks

dalam persekitaran pelaporan kewangan yang mendesak hendaklah dilihat sebagai tanda bahaya. Firma audit terus diingatkan bahawa dalam pasaran bebas, mereka adalah pemacu utama dalam menentukan yuran audit. Yuran audit yang tidak munasabah rendah tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak melaksanakan kerja audit sebagaimana yang diperlukan menurut piawaian teknikal dan profesional.

Sekiranya yuran audit terlalu rendah untuk menampung kos, firma audit hendaklah memutuskan dengan berhati-hati sama ada mereka boleh menerima tugas audit tersebut ataupun tidak.

AOB terus mengikuti perkembangan yuran audit dan mengambil kira perkara ini semasa memilih tugas audit untuk semakan.

KESIMPULAN

Pada tahun 2012, Firma Audit Utama mencapai kemajuan yang baik dalam memacu mesej kualiti dan memfokuskan kepada pelan pemulihan untuk menyasarkan ketekalan prestasi dalam kalangan rakan tugas. Ini merupakan usaha positif yang menunjukkan komitmen mereka terhadap kualiti audit, walaupun AOB memperakui bahawa sesetengah keputusan mungkin tidak segera dicapai.

Bagi Firma Audit Lain, AOB terus memerhatikan sesetengah firma yang memerlukan usaha lebih besar untuk mempertimbangkan cara untuk menjaga kualiti audit. Hakikat bahawa pemeriksaan AOB mendapati sesetengah Firma Audit Lain telah menunjukkan audit berkualiti yang baik, membuktikan bahawa saiz firma bukanlah kekangan untuk melaksanakan audit berkualiti.

Menetapkan nada yang betul daripada pihak atasan yang memacu kualiti audit adalah penting kerana firma perlu mengimbangkan pertimbangan perniagaan dengan komitmen terhadap kualiti audit.

Dengan ini, keberkesanan memantau kawalan kualiti adalah penting untuk memastikan terdapat semakan berterusan dan imbalan ke atas dasar dan prosedur kualiti firma untuk menjaga risiko penzahiran. Hasil daripada semakan kawalan kualiti pemantauan seharusnya mengalir ke dalam proses tadbir urus firma audit supaya tindakan setanding dapat diambil.

AOB juga menghendaki peranan EQCR dapat ditingkatkan dan seharusnya ada suatu bentuk kerangka kerja akauntabiliti untuk memastikan EQCR memainkan peranannya secara objektif untuk menyediakan satu proses cabaran yang kukuh untuk pasukan tugas.

Dalam pelaksanaan kerja audit, rakan tugas perlu memastikan terdapat pasukan yang terimbang baik untuk menguruskan kekangan sumber atau isu pengekal pekerja.

Anggapan bahawa wujudnya risiko penipuan dalam hasil tidak seharusnya diabaikan dan semua firma mestilah diingatkan bahawa isu baru timbul dalam beberapa tahun kebelakangan ini juga menunjukkan peningkatan risiko dalam bidang ini. Pemahaman yang baik tentang perniagaan dan penilaian kritis terhadap bukti audit perlu diberikan penekanan untuk mengurangkan risiko penipuan yang dihadapi oleh juruaudit.

Dengan meningkatnya kekukuhan dan kekompleksan sistem dan transaksi berautomasi, firma audit diingatkan tentang risiko teknologi. Pemahaman

yang betul tentang aliran transaksi dalam sistem tersebut dan persekitaran kawalan adalah penting untuk menguruskan risiko.

Juruaudit terus-menerus diingatkan untuk mengukuhkan prosedur penerimaan pelanggan untuk mengurangkan risiko apa-apa penghadan dalam skop audit yang mendatangkan risiko lebih besar kepada juruaudit jika fungsi pelaporan pelanggan audit adalah lemah. Bagaimanapun, jika firma audit telah mengandaikan risiko tersebut, maka mereka diingatkan tentang pendedahan mereka sendiri dan keperluan untuk menguruskan risiko tersebut semasa kerja pelaksanaan audit.

Memandangkan skeptisisme profesional merupakan bahagian penting proses audit, ia tidak boleh diambil sebagai proses mekanikal dalam mencapai kesimpulan, ia juga tidak boleh tertakluk kepada tarikh akhir tugas.

Kesilapan dalam dokumentasi terus menjadi pemerhatian pemeriksaan AOB. Walaupun ketiadaan disiplin dalam dokumentasi sering didakwa menjadi sebab kesilapan dalam kekurangan audit, firma audit perlu diingatkan bahawa ketiadaan dokumentasi menimbulkan kebimbangan sama ada kerja audit telah atau tidak dilaksanakan. Ini juga menimbulkan keraguan terhadap kerapian penyeliaan dan semakan yang dilaksanakan oleh rakan tugas dan penyemak kawalan kualiti tugas.

AOB menekankan semula keperluan untuk memperkukuh fokus strategi audit dalam mengurangkan risiko salah nyata penting berbanding dengan memfokuskan kepada kecekapan audit yang mungkin bertolak ansur dengan kualiti audit. Jajaran risiko pasaran modal dan risiko perniagaan bagi firma

audit adalah penting untuk mengurangkan risiko audit yang mungkin menjejaskan kualiti audit.


Memandangkan masih terdapat pemerhatian berulang yang dikenal pasti oleh AOB dalam 2012, firma audit perlu menganalisis secara kritis penyebab punca dan mengukur keberkesanan pelan pemulihan. Keputusan tersebut juga mencadangkan

bahawa mengekalkan ketekalan prestasi adalah penting untuk mengekalkan komitmen terhadap kualiti audit.

AOB akan terus mengekalkan aliran komunikasi dan interaksi secara tekal dengan pihak berkepentingan untuk menyumbang kepada penambahbaikan kualiti audit.

Bahagian Lima

Penilaian Prestasi dan Keberkesanan



PENILAIAN PRESTASI DAN KEBERKESANAN

AOB telah mewujudkan kerangka kerja strategik yang mengaitkan bidang perkhidmatannya dengan natijah yang dibayangkan oleh misinya. Walaupun perkhidmatan teras seperti pendaftaran dan pemeriksaan merupakan aktiviti pengawasan berterusan, bidang tumpuan telah dikenal pasti selepas mengambil kira persekitaran operasi, perkembangan dalam pelaporan dan pengauditan kewangan, perubahan pengawalseliaan serta perkembangan global dalam peraturan audit untuk mencapai natijah yang sejajar dengan misi. Lima kesan strategik tersebut adalah:

- Amalan pelaporan kewangan berkualiti tinggi oleh PIE;
- Amalan audit yang berkualiti tinggi dan berupaya;
- Audit bebas dan berkualiti tinggi;
- Penyata kewangan teraudit yang andal dan berkualiti tinggi; dan

- Keyakinan dalam penyata kewangan teraudit PIE.

Pada setiap awal tahun, Lembaga AOB mempertimbangkan dan meluluskan cadangan daripada pihak pengurusan tentang pelan operasi tahunan termasuk bidang tumpuan yang AOB akan tangani dalam melaksanakan fungsi pemantauan auditnya. Pelan ini juga merangkumi prospek pasaran selama tiga tahun dan landskap pengawalseliaan yang dibayangkan oleh pihak pengurusan. Kemajuan aktiviti pemantauan AOB akan dilaporkan kepada Lembaga AOB secara suku tahunan. Semakan prestasi dilaksanakan pada pertengahan tahun.


Kesan dan kemajuan yang dicapai berhubung dengan bidang tumpuan AOB dalam 2012 menunjukkan AOB berkembang maju sejajar dengan sasaran keseluruhan kerangka kerja strategiknya.

Jadual 1

Kesan dan kemajuan dalam 2012

Kesan AOB	Penilaian kemajuan dan prestasi
Amalan pelaporan kewangan berkualiti tinggi oleh PIE	• AOB mengambil bahagian dalam program yang membabitkan pengarah dan anggota jawatankuasa audit untuk mengingatkan mereka tentang peranan mereka untuk meningkatkan kualiti pelaporan kewangan PIE. • Dengan kekompleksan pelaporan kewangan, PIE perlu melabur lebih dalam bakat dan sistem untuk memastikan keberkesanan fungsi pelaporan kewangan mereka.
Amalan audit berkualiti tinggi dan berupaya	• AOB terus mengenal pasti kekurangan dalam semua firma audit. • Firma yang diperiksa oleh AOB telah memulakan plan pemulihan yang berada pada pelbagai peringkat pelaksanaan. Sesetengah firma menggunakan pendekatan holistik dalam pemulihan sementara sesetengahnya menangani kekurangan secara berdikit-dikit. • Bakat kekal menjadi cabaran kritikal bagi firma audit dalam memastikan kualiti kerja mereka. Ini disebabkan oleh permintaan beban kerja dan tawaran berdaya saing daripada industri lain dan luar negara.
Audit bebas dan berkualiti tinggi	• AOB mendapati bahawa sesetengah firma tidak memberikan perhatian sewajarnya kepada penggiliran juruaudit, keperluan utama untuk memastikan kebebasan juruaudit. Dengan campur tangan AOB, perkara ini ditangani oleh firma audit yang relevan. • Firma audit perlu mematuhi maksud tersirat etika profesional dan tidak sekadar berpuas hati dengan pematuhan yang tersurat sahaja.
Penyata kewangan teraudit berkualiti tinggi dan boleh percaya	• AOB tidak menemui apa-apa kegagalan audit besar yang dilaporkan dalam kalangan syarikat dengan permodalan pasaran yang besar dalam tahun kajian. • Dua pemeriksaan audit khas dilaksanakan sebagai susulan kepada peristiwa pasaran yang boleh mempengaruhi keyakinan dalam pelaporan dan audit kewangan.
Keyakinan dalam penyata kewangan teraudit PIE	• AOB mengambil bahagian dalam program bagi menghantar mesej tentang kualiti audit kepada pihak berkepentingan utama. • Walaupun keyakinan dalam penyata kewangan teraudit sukar untuk diukur, AOB telah memulakan penyelidikan akademik untuk menilai impak pasaran bagi penubuhan AOB. Natiujahnya akan dilaporkan dalam tahun 2013.

Bahagian Enam Prospek 2013



PROSPEK 2013

MENDORONG FIRMA UNTUK MEMFOKUSKAN KEPADA PENYEBAB PUNCA

Pemerhatian berulang dalam kerja juruaudit menimbulkan kemusykilan terhadap keberkesanan pelan pemulihan yang digunakan oleh firma audit. Walaupun diperakui bahawa usaha tersebut mengambil masa untuk menunjukkan natijah ketara, ia seharusnya satu proses berterusan dan perlu ada kualiti audit yang ditentukan oleh firma audit untuk memastikan kemajuan ke arah yang betul.

Ini akan terus menjadi bidang tumpuan dan AOB mengingatkan firma audit bahawa pelan pemulihan harus dikaitkan dengan penyebab punca kekurangan auditnya. Dengan ini, keperluan firma audit untuk menemui penyebab punca sebenar bagi kekurangan audit untuk memastikan keberkesanan usaha pemulihannya tidak boleh ditekan berlebihan di sini.

BERURUSAN DENGAN CIRI KHUSUS FIRMA AUDIT

AOB memperakui bahawa firma dengan saiz dan keupayaan berbeza akan memberikan respons berbeza terhadap isu yang kami bangkitkan. Justeru, kami akan berurusan dengan mereka berdasarkan ciri dan situasi mereka.

Walaupun Firma Audit Utama mungkin mempunyai struktur, sistem dan proses yang menyokong audit berkualiti tinggi, AOB percaya mereka mempunyai ruang yang cukup untuk meningkatkan kemajuan dalam memastikan ketekalan prestasi merentasi tugas dan rakan audit. Dengan sifat semula jadinya, usaha mereka untuk memastikan kegagalan audit tidak akan berlaku akan menjadi satu daripada tumpuan aktiviti pemantauan kami.

Kami akan memfokuskan kepada firma sederhana yang menambah bahagian pasaran dalam bentuk bilangan PIE sebagai pelanggannya dan akan membabitkan mereka sewajarnya untuk memastikan mereka mampu memenuhi permintaan tambahan terhadap perkhidmatan mereka yang terus meningkatkan kualiti kerja mereka. Memandangkan AOB tidak akan dapat memeriksa semua firma dalam satu tahun, kami akan membabitkan firma tersebut melalui aktiviti pendaftaran kami untuk memastikan struktur asas yang diperlukan untuk menyokong audit kualiti disediakan.

PERUBAHAN LEBIH HOLISTIK DALAM PROFESION PERAKAUNAN

ROSC AA mendapati beberapa isu yang perlu ditangani oleh profesion perakaunan. Ini termasuk sebilangan audit yang dilaksanakan dalam negara ini

dengan mengambil kira cabaran yang dihadapi oleh firma audit dalam mendapatkan dan mengekalkan bakat dan keperluan mendesak untuk menyemak struktur tadbir urus MIA.

Kebanyakan isu ini mempengaruhi kualiti dan AOB pastinya berusaha untuk menyokong apa-apa usaha untuk memastikan isu tersebut ditangani secara lebih holistik melalui pelan tindakan negara, sebagaimana yang dibayangkan dalam ROSC AA.

Walaupun ini boleh memakan masa yang panjang, ia seharusnya tidak menghalang profesion perakaunan daripada memulakan perubahan yang boleh dilaksanakan tanpa apa-apa pemulihan besar dalam profesion ini. Ini termasuk meningkatkan keberkesanan semakan amalan yang dijalankan oleh MIA dan menghantar mesej tegar kepada akauntan dan juruaudit yang menganggotai MIA untuk memastikan mereka terus komited untuk memastikan pelaporan dan pengauditan kewangan berkualiti tinggi.

TUMPUAN PEMERIKSAAN 2013

Bidang tumpuan yang berikut kekal sah dalam 2013:

- Amalan Perniagaan dan Tadbir Urus Diri;
- Pematuhan keperluan etika;
- Penilaian EQCR;
- Penilaian Dasar dan Prosedur Kualiti Pemantauan;
- Tanggungjawab juruaudit berhubung dengan penipuan (ISA 240), termasuk pertimbangan kawalan diatasi pengurusan ;
- Audit atas anggaran perakaunan, termasuk nilai saksama yang dianggarkan dan pendedahan berkaitan (ISA 540);
- Pihak berkaitan (ISA 550);
- Pengaturan Audit Kumpulan, termasuk kerja yang dilaksanakan oleh juruaudit komponen (ISA 600); dan
- Audit IT.


Bidang berisiko tinggi lain yang timbul daripada analisis keadaan khusus termasuk usaha berterusan, muhibah dan aset tak ketara akan terus menjadi bidang tumpuan.

Sebagai sebahagian daripada usahanya untuk memahami impak ekonomi semasa, isu dan perubahan baru muncul dalam piawaian perakaunan berhubung dengan kualiti audit, AOB akan terus berinteraksi dengan pengawal selia domestik dan antarabangsa dan pihak berkepentingan lain dalam ekosistem pelaporan kewangan. Dialog bersama firma audit juga akan terus dijalankan.

Usaha berterusan dalam perkara berikut:

- Pacuan mesej berhubung dengan pemulihan dan tumpuan berkaitan hal-hal yang paling berkemungkinan mencapai audit berkualiti;
- Memacu perubahan tingkah laku untuk meningkatkan tingkah laku profesional;
- Pemantauan berterusan ke atas tingkah laku profesional untuk mengurangkan risiko kegagalan audit;
- Pacuan mesej untuk meningkatkan bina upaya
- Pembabitan berterusan dengan pihak berkepentingan lain dalam ekosistem pelaporan kewangan;
- Kerjasama tahap tinggi dalam kalangan pengawal selia audit bebas dan meningkatkan keberkesanan dan kecekapan; dan
- Penglibatan berterusan dalam mesyuarat IFIAR dan Pengawal Selia ASEAN dan bengkel pemeriksaan.

Bahagian Tujuh Pernyataan Tadbir Urus



PERNYATAAN TADBIR URUS

AHLI-AHLI LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT





**Nik Mohd Hasyudeen
Yusoff**

Goh Ching Yin

Dato' Gumuri Hussain

**Datuk Nor Shamsiah
Mohd Yunus**



Cheong Kee Fong



Chok Kwee Bee



Mohd Naim Daruwish

NIK MOHD HASYUDEEN YUSOFF

Nik Hasyudeen ialah Pengerusi Eksekutif AOB dan Pengarah Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Beliau ketika ini ialah ahli Panel Penyemak Operasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), ahli Yayasan Pelaporan Kewangan (FRF) dan ahli Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat yang ditubuhkan oleh BNM. Nik merupakan Profesor Sambilan di Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya.

Nik merupakan bekas Presiden MIA dan juga bekas Naib Presiden Persekutuan Akauntan ASEAN (AFA). Beliau pernah berkhidmat dengan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dan Jawatankuasa Penyenaraian Bursa Malaysia.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perniagaan daripada Curtin University of Technology dan felo CPA Australia.

GOH CHING YIN

Goh Ching Yin ialah Pengarah Eksekutif, Strategi dan Pembangunan, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Beliau bertanggungjawab ke atas strategi dan penyelidikan, pembangunan pasaran, ekonomi, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat.

Beliau mengetuai kumpulannya dalam membangunkan konsep dan merumus strategi pasaran modal, inisiatif pembangunan dan pelan urusan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bagi memastikan hala tuju dan rancangan yang responsif dan relevan, dengan mengambil kira perkembangan tempatan dan antarabangsa untuk menyediakan analisis dasar ke atas isu-isu utama dan memberi input kepada kerajaan mengenai isu-

isu yang lebih meluas yang memberi kesan ke atas pasaran modal dan ekonomi.

Sebelum menyertai Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada bulan Mac 2007, Goh mempunyai pengalaman kerjaya selama 12 tahun dalam bidang perbankan pelaburan. Di peringkat awal kerjayanya beliau telah menyandang pelbagai jawatan kepimpinan dan pengurusan dalam pembangunan perniagaan serantau, perundingan strategik, insolvensi korporat dan pengauditan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Cranfield School of Management, Universiti Cranfield, United Kingdom.

DATO' GUMURI HUSSAIN

Ketika ini Dato' Gumuri ialah Pengerusi Bank SME dan ahli Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Beliau merupakan Felo ICAEW, ahli MIA dan MICPA. Beliau menganggotai lembaga pengarah KUB Malaysia Bhd, Media Prima Bhd dan Metrod Holdings Bhd.

Dato' Gumuri merupakan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Penerbangan Malaysia Bhd dari bulan Ogos 2002 hingga Ogos 2004. Sebelum itu, beliau adalah Rakan Kongsi Kanan dan Timbalan Pengerusi Lembaga Tadbir Urus PricewaterhouseCoopers Malaysia. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bank Industri & Teknologi Malaysia Bhd, Malaysian Airline System Bhd, Kurnia Setia Bhd dan Sabah Bank Bhd.

DATUK NOR SHAMSIAH MOHD YUNUS

Datuk Nor Shamsiah ialah Timbalan Gabenor BNM.

Beliau bertanggungjawab ke atas bahagian pengawasan yang menyelia bank komersial (bank konvensional dan Islam), bank pelaburan, syarikat insurans (konvensional dan Takaful) dan institusi pembangunan kewangan. Beliau juga mengawasi Jabatan Pengurusan Risiko yang merumus kerangka kerja pengurusan risiko perniagaan untuk BNM dan bertanggungjawab ke atas unit yang bertanggungjawab membanteras penyalahgunaan sistem kewangan. Beliau juga merupakan salah seorang ahli Pengarah BNM dan ahli Jawatankuasa

Dasar Monetari dan Jawatankuasa Dasar Kestabilan Kewangan BNM.

Datuk Nor Shamsiah mewakili bank tersebut dalam beberapa forum antarabangsa dan serantau dalam bidang pengawasan perbankan. Beliau menyertai BNM dalam bulan April 1987 dan mempunyai pengalaman luas dalam pembangunan pengawalseliaan berhemat, perundangan, dasar dan garis panduan bagi sektor kewangan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan daripada Universiti South Australia dan merupakan seorang Akauntan Pengamal Bertauliah.

CHEONG KEE FONG

Cheong Kee Fong ialah rakan kongsi Cheong Kee Fong & Co sejak Januari 1990. Beliau merupakan pemilik tunggal Cheong Kee Fong & Co dari November 1988 hingga Disember 1989.

Beliau pernah menjadi ahli Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang Syarikat yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan ahli Jawatankuasa Kewangan, Kumpulan Kerja Il Tadbir Urus Korporat mengenai Tadbir Urus Korporat di Malaysia. Beliau

juga ialah ahli Yayasan Pelaporan Kewangan dari 1997–2001, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Jawatankuasa Auditnya dari 2002–2005.

Cheong Kee Fong berkelulusan Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) daripada University of Singapore dan Ijazah Sarjana Undang-undang daripada Harvard Law School. Beliau juga seorang peguam cara dan peguam bela Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Agung, Singapura.

CHOK KWEE BEE

Chok Kwee Bee ialah Pengarah Urusan Teak Capital Sdn Bhd, sebuah syarikat pengurusan modal teroka yang menguruskan dana teknologi bawah Program Rakan Penyumberan Luar Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP).

Sebelum ini Kwee Bee berkhidmat dengan Walden International, sebuah firma modal teroka berpangkalan di Lembah Silikon. Beliau mengawasi operasi dan pelaburan Walden International dan BI Walden di Malaysia. Sebelum menjadi pemodal

teroka, beliau merupakan Ketua Kewangan Korporat di AmlInvestment Bank.

Kwee Bee kini merupakan ahli Majlis Pembangunan Modal Teroka Malaysia (MVCDC) dan ahli Jawatankuasa Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan. Beliau juga menganggotai lembaga pengarah beberapa syarikat portfolio. Sebelum ini beliau pernah menjadi ahli Majlis Penasihat Pasaran Modal SC dan juga bekas Pengerusi Persatuan Modal Teroka dan Ekuiti Swasta Malaysia (MVCA).

MOHD NAIM DARUWISH

Mohd Naim Daruwish ialah Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Beliau berkelulusan Sarjana Muda Undang-undang daripada Universiti Malaya. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Pegawai Undang-undang di Jabatan Undang-undang Bank Pertanian Malaysia pada April 1984 sebelum dilantik sebagai Majistret pada tahun 1985 dan kemudian dilantik sebagai Majistret Kanan.

Beliau pernah memegang jawatan sebagai Pengurus, dan kemudian Pengurus Kanan Bahagian Pendakwaan/Litigasi, Jabatan Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kuala Lumpur. Antara jawatan yang pernah disandang olehnya di KWSP ialah Pengurus Besar Jabatan Penguatkuasaan, Pengurus Besar Kanan Jabatan Undang-undang dan Pengurus Besar Kanan Jabatan Sumbangan.

KEHADIRAN MESYUARAT

Dalam tahun 2012, AOB telah bermesyuarat sebanyak lapan kali. Kehadiran ahli Lembaga ialah seperti di bawah AOB:

Ahli Lembaga	Kehadiran mesyuarat
Nik Mohd Hasyudeen Yusoff	8/8
Dato' Gumuri Hussain	6/8
Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunos	6/8
Goh Ching Yin	8/8
Chok Kwee Bee	8/8
Cheong Kee Fong	7/8
Mohd Naim Daruwish	4/8

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA

Lembaga bertanggungjawab membantu AOB melaksanakan fungsinya di bawah SCA. Tanggungjawab tersebut termasuklah:

- Melaksanakan dasar dan program untuk memastikan sistem pemantauan audit yang berkesan Malaysia;
- Mendaftar atau mengiktiraf juruaudit PIE bagi tujuan yang ditetapkan oleh SCA;
- Mengarahkan MIA untuk mewujudkan atau mengguna pakai, atau kedua-duanya sekali, piawaian pengauditan dan etika yang diguna pakai oleh juruaudit;
- Menjalankan program pemeriksaan dan pemantauan ke atas juruaudit bagi menilai tahap pematuhan terhadap piawaian pengauditan dan etika;

- Menjalankan siasatan dan mengenakan sekatan yang sesuai terhadap juruaudit yang gagal mematuhi piawaian pengauditan dan etika;
- Bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan dalam merumus dan melaksanakan strategi untuk meningkatkan piawaian penzahiran kewangan PIE;
- Berhubung dan bekerjasama dengan badan pengawasan di luar Malaysia bagi meningkatkan kedudukan profesion pengauditan di Malaysia dan di peringkat antarabangsa; dan
- Melaksanakan kewajipan atau fungsi lain yang seumpamanya, yang dianggap perlu atau sesuai oleh AOB, bagi meningkatkan tahap profesionalisme yang tinggi di kalangan juruaudit dan menambah baik kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh juruaudit.

PROSEDUR MESYUARAT

Notis mencukupi diberikan mengenai isu yang akan dibincangkan melalui pengedaran agenda dan kertas untuk dipertimbangkan di mesyuarat Lembaga. Mesyuarat ini menyediakan forum untuk perbincangan

seimbang isu-isu dan membuat keputusan yang telus.

Set lengkap minit semua mesyuarat Lembaga disimpan oleh Setiausaha Lembaga.

JAWATANKUASA PENDAFTARAN


Seksyen 31EA SCA menyatakan bahawa AOB boleh menubuhkan jawatankuasa seumpamanya sekiranya difikirkan perlu atau dapat membantu pelaksanaan tanggungjawabnya seperti yang dinyatakan dalam seksyen 31E(1) SCA.

Sehubungan ini, Jawatankuasa Pendaftaran ditubuhkan dalam tahun 2011 untuk menentukan perkara berhubung dengan kelulusan pendaftaran untuk pendaftaran atau pengiktirafan juruaudit dengan AOB. Jawatankuasa Pendaftaran boleh membuat saranan kepada Lembaga, yang mana Lembaga akan membincangkan dan membuat keputusan berkenaan perkara yang berkaitan dengan pembubaran, penggantungan dan ketidaklulusan.

Ahli Jawatankuasa Pendaftaran ialah:


- Nik Mohd Hasyudeen Yusoff
- Goh Ching Yin

STRUKTUR ORGANISASI LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT



Bahagian Lapan

Penyata Kewangan dan Lain-lain



PENYATA KEWANGAN

DANA LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT

PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2012

	Nota	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
Aset				
Aset semasa				
Penghutang lain	4	80,850	130,285	124,293
Tunai dan setara tunai	5	910,532	3,117,332	4,424,959
Jumlah aset		<u>991,382</u>	<u>3,247,617</u>	<u>4,549,252</u>
Rizab				
Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)	6	6,000,000	5,000,000	5,000,000
Defisit terkumpul	7	(5,071,724)	(2,375,609)	(549,555)
Jumlah rizab		<u>928,276</u>	<u>2,624,391</u>	<u>4,450,445</u>
Liabiliti semasa				
Pemiutang lain dan akruan	8	63,106	623,226	98,807
Jumlah liabiliti		<u>63,106</u>	<u>623,226</u>	<u>98,807</u>
Jumlah rizab dan liabiliti		<u>991,382</u>	<u>3,247,617</u>	<u>4,549,252</u>

Nota pada muka surat 54 hingga 66 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



.....
Datuk Ranjit Ajit Singh
Pengerusi
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

31 Januari 2013



.....
Nik Mohd Hasyudeen Yusoff
Pengerusi Eksekutif
Lembaga Pemantauan Audit

Penyata Keuntungan Atau Kerugian bagi tahun berakhir 31 Disember 2012

	Nota	2012 RM	2011 RM
Pendapatan			
Yuran pendaftaran		1,615,029	1,690,000
Pendapatan faedah daripada deposit tetap		56,364	113,130
Lain		5,000	–
		<u>1,676,393</u>	<u>1,803,130</u>
Perbelanjaan operasi			
Perbelanjaan pentadbiran	9	(4,372,508)	(3,629,184)
Kerugian sebelum cukai		<u>(2,696,115)</u>	<u>(1,826,054)</u>
Perbelanjaan cukai pendapatan	12	–	–
Jumlah kerugian bagi tahun	7	<u><u>(2,696,115)</u></u>	<u><u>(1,826,054)</u></u>

Nota pada muka surat 54 hingga 66 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

	Nota	2012 RM	2011 RM
Aliran tunai daripada aktiviti operasi			
Kerugian sebelum cukai		(2,696,115)	(1,826,054)
Pelarasan bagi:			
Pendapatan faedah		(56,364)	(113,130)
Defisit operasi sebelum perubahan modal kerja		(2,752,479)	(1,939,184)
Perubahan dalam modal kerja:			
Penghutang lain		–	(200)
Pemiutang lain dan akruan		(560,120)	524,419
Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti operasi		(3,312,599)	(1,414,965)
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan			
Pendapatan faedah		105,799	107,338
Deposit terhad		(5,000)	–
Tunai bersih daripada aktiviti pelaburan		100,799	107,338
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan			
Dana yang diterima daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia		1,000,000	–
Tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan		1,000,000	–
Penurunan bersih dalam tunai dan setara tunai		(2,211,800)	(1,307,627)
Tunai dan setara tunai pada 1 Januari		3,117,332	4,424,959
Tunai dan setara tunai pada 31 Disember		905,532	3,117,332
Tunai dan setara tunai terdiri daripada:			
Tunai dan baki di bank	5	400,684	22,869
Deposit di bank berlesen	5	509,848	3,094,463
		910,532	3,117,332
Tolak: Deposit terhad		(5,000)	–
		905,532	3,117,332

Nota pada muka surat 54 hingga 66 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Nota bagi penyata kewangan

1. Umum

Pada 1 April 2010, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) menubuhkan Lembaga Pemantauan Audit (AOB) di bawah Seksyen 31C dalam *Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993* (SCA). AOB ditubuhkan bagi tujuan yang dinyatakan dalam Seksyen 31B SCA tersebut, iaitu:

- a. untuk menggalakkan dan membangunkan kerangka kerja pemantauan audit yang efektif dan teguh di Malaysia,
- b. untuk meningkatkan keyakinan dalam kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit di Malaysia, dan
- c. untuk mengawal selia juruaudit bagi entiti kepentingan awam.

Untuk memudahkan cara tujuan yang disebut di atas, sebuah dana yang dinamai Dana Lembaga Pemantauan Audit (Dana AOB) ditubuhkan di bawah Seksyen 31H SCA. Dana ini ditadbir oleh SC. SC memberikan sokongan pentadbiran dan perakaunan kepada Dana AOB dan akaun ini disediakan berasingan daripada akaun SC menurut Seksyen 31L(5) SCA.

2. Asas penyediaan

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan AOB disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa. Ini merupakan penyata kewangan pertama AOB yang disediakan menurut MFRS dan MFRS 1, *First-time Adoption of Malaysian Financial Reporting Standards* telah diguna pakai.

Dalam tahun kewangan terdahulu, penyata kewangan AOB disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS) di Malaysia. Penjelasan peralihan kepada MFRS dinyatakan dalam Nota 14 dalam penyata kewangan ini.

AOB telah terlebih dahulu mengguna pakai pindaan kepada MFRS 101, *Presentation of Financial Statements* yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2012. Pemakaian awal pindaan MFRS 101 tidak memberikan apa-apa impak ke atas penyata kewangan.

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran kerangka kerja MFRS yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB):

MFRS, interpretasi dan pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013

- MFRS 10, *Consolidated Financial Statements*
- MFRS 11, *Joint Arrangements*
- MFRS 12, *Disclosure of Interests in Other Entities*
- MFRS 13, *Fair Value Measurement*
- MFRS 119, *Employee Benefits (2011)*
- MFRS 127, *Separate Financial Statements (2011)*
- MFRS 128, *Investments in Associates and Joint Ventures (2011)*
- IC Interpretation 20, *Stripping Costs in the production Phase of a Surface Mine*
- Pindaan kepada MFRS 7, *Financial Instruments: Disclosures – Offsetting Financial Assets and Financial Liabilities*
- Pindaan kepada MFRS 1, *First-time Adoption of Malaysian Financial Reporting Piawaian - Government Loans*
- Pindaan kepada MFRS 1, *First-time Adoption of Malaysian Financial Reporting Piawaian (Annual Improvements 2009-2011 Cycle)*
- Pindaan kepada MFRS 101, *Presentation of Financial Statements (Annual Improvements 2009-2011 Cycle)*
- Pindaan kepada MFRS 116, *Property, Plant and Equipment (Annual Improvements 2009-2011 Cycle)*
- Pindaan kepada MFRS 132, *Financial Instruments: Presentation (Annual Improvements 2009-2011 Cycle)*
- Amendment to MFRS 134, *Interim Financial Reporting (Annual Improvements 2009-2011 Cycle)*
- Pindaan kepada MFRS 10, *Consolidated Financial Statements: Transition Guidance*
- Pindaan kepada MFRS 11, *Joint Arrangements: Transition Guidance*
- Pindaan kepada MFRS 12, *Disclosure of Interests in Other Entities: Transition Guidance*

MFRS, interpretasi dan pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014

- Pindaan kepada MFRS 132, *Financial Instruments: Presentation - Offsetting Financial Assets and Financial Liabilities*

MFRS, interpretasi dan pindaan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2015

- MFRS 9, *Financial Instruments (2009)*
- MFRS 9, *Financial Instruments (2010)*

AOB merancang untuk mengguna pakai piawaian, pindaan dan interpretasi di atas:

- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2013 bagi piawaian, pindaan atau interpretasi tersebut yang diguna pakai dan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013.
- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2014 bagi piawaian, pindaan atau interpretasi tersebut yang diguna pakai dan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014.
- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2015 bagi piawaian, pindaan atau interpretasi tersebut yang diguna pakai dan berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2015.

Impak ketara bagi pemakaian awal satu-satu piawaian, pindaan atau interpretasi dibincangkan di bawah:

MFRS 9, *Financial Instruments*

MFRS 9 menggantikan panduan dalam MFRS 139, *Financial Instruments: Recognition and Measurement* tentang pengelasan dan pengukuran aset kewangan. Selepas pemakaian MFRS 9, aset kewangan akan diukur sama ada pada nilai saksama atau kos terlunas.

MFRS 13, *Fair Value Measurement*

MFRS 13, *Fair Value Measurement* memberikan prinsip bagi pengukuran nilai saksama dan menggantikan panduan sedia ada dalam MFRS yang berbeza.

(b) Asas pengukuran

Penyata kewangan ini disediakan menurut kos sejarah.

(c) Mata wang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsian AOB. Semua maklumat kewangan dinyatakan dalam RM.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan ini mematuhi MFRS yang memerlukan pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempunyai kesan ke atas pemakaian dasar perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Penyemakan anggaran perakaunan dikira dalam tempoh yang anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang berkenaan.

Tiada bahagian ketara bagi ketakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal dalam pemakaian dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang dikira dalam penyata kewangan.

3. Dasar perakaunan utama

Dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah dipakai secara berterusan dalam tempoh yang dinyatakan dalam penyata kewangan, semasa menyediakan penyata MFRS permulaan bagi kedudukan kewangan AOB pada 1 Januari 2011 (tarikh peralihan kepada kerangka kerja MFRS), dan telah diguna pakai secara berterusan oleh SC, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(a) Instrumen kewangan

(i) Pengiraan dan pengukuran awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan dikira dalam kedudukan penyata kewangan apabila, dan hanya apabila, AOB menjadi satu pihak dalam peruntukan berkontrak bagi instrumen tersebut.

Instrumen kewangan dikira pada awalnya, pada nilai saksamanya tambah, sekiranya satu-satu instrumen kewangan itu bukan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi yang secara langsung menyebabkan pengambilan atau pengeluaran instrumen kewangan.

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya

AOB mengkategorikan instrumen kewangannya seperti yang berikut:

Aset kewangan

Pinjaman dan penghutang

Kategori pinjaman dan penghutang terdiri daripada penghutang lain dan tunai dan setara tunai.

Aset kewangan dikategorikan sebagai pinjaman dan penghutang kemudiannya diukur pada kos terlunas, menggunakan kaedah faedah efektif.

Semua aset kewangan tertakluk kepada semakan bagi elaun rosot nilai (lihat Nota 3(c)).

Liabiliti kewangan

Semua liabiliti kewangan kemudiannya diukur pada kos terlunas, dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

(iii) Tidak diambil kira

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya tidak diambil kira apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau aset kewangan tidak diambil kira dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau semua risiko dan ganjaran aset tersebut. Apabila aset kewangan tidak diambil kira, perbezaan antara nilai bawaan dan nilai yang dalam pertimbangan terima (termasuk mana-mana aset baharu yang diperoleh ditolak mana-mana liabiliti baharu yang diambil alih) dan mana-mana keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diambil kira dalam ekuiti dikira dalam keuntungan atau kerugian.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya tidak diambil kira apabila, dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan atau dibatalkan atau luput. Apabila liabiliti kewangan tidak diambil kira, perbezaan di antara nilai bawaan liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan dibayar, termasuk mana-mana aset bukan tunai yang dipindahkan atau diambil alih liabilitinya, dikira dalam keuntungan atau kerugian.

(b) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki dan deposit di bank yang mempunyai risiko tak ketara dalam perubahan nilai dengan kematangan asal enam bulan atau kurang. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai dinyatakan bersih daripada deposit terhad.

(c) Rosot nilai

Aset kewangan

Semua aset kewangan dinilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat atau tidak apa-apa bukti benar rosot nilai disebabkan oleh satu atau lebih peristiwa yang meninggalkan impak ke atas anggaran aliran tunai pada masa akan datang bagi aset tersebut. Kerugian yang dijangka disebabkan oleh peristiwa akan datang, walau bagaimana pasti sekalipun, tidak akan diambil dikira.

Kerugian rosot nilai berhubung dengan pinjaman dan penghutang dikira dalam keuntungan atau kerugian dan diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran

aliran tunai akan datang didiskaunkan pada kadar faedah efektif yang asal. Amaun bawaan aset dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

(d) Pendapatan

Yuran pendaftaran

Yuran pendaftaran daripada juruaudit bagi entiti kepentingan awam dikira dalam keuntungan atau kerugian apabila pembayaran tersebut diterima.

Pendapatan faedah

Pendapatan faedah dikira apabila ia terakru dengan menggunakan kaedah faedah efektif dalam keuntungan atau kerugian.

4. Penghutang lain

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
Faedah belum terima	—	49,435	43,643
Deposit	80,850	80,850	80,650
	<u>80,850</u>	<u>130,285</u>	<u>124,293</u>

5. Tunai dan setara tunai

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
Tunai dan baki di bank	400,684	22,869	410,088
Deposit di bank berlesen	509,848	3,094,463	4,014,871
	<u>910,532</u>	<u>3,117,332</u>	<u>4,424,959</u>

Deposit di bank berlesen memperoleh kadar faedah 3% setahun (2011: 3.55% setahun) dan matang dalam masa satu (2011: enam) bulan.

Termasuk di dalam deposit di bank berlesen adalah RM5,000 (2011: tiada) yang dihadkan untuk kegunaan perancangan dan pelaksanaan program pembinaan kapasiti yang berkaitan dengan profesion perakaunan dan pengauditan.

(d) **Pendapatan**

Yuran pendaftaran

Yuran pendaftaran daripada juruaudit bagi entiti kepentingan awam dikira dalam keuntungan atau kerugian apabila pembayaran tersebut diterima.

Pendapatan faedah

Pendapatan faedah dikira apabila ia terakru dengan menggunakan kaedah faedah efektif dalam keuntungan atau kerugian.

4. Penghutang lain

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
Faedah belum terima	–	49,435	43,643
Deposit	80,850	80,850	80,650
	<u>80,850</u>	<u>130,285</u>	<u>124,293</u>

5. Tunai dan setara tunai

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
Tunai dan baki di bank	400,684	22,869	410,088
Deposit di bank berlesen	509,848	3,094,463	4,014,871
	<u>910,532</u>	<u>3,117,332</u>	<u>4,424,959</u>

Deposit di bank berlesen memperoleh kadar faedah 3% setahun (2011: 3.55% setahun) dan matang dalam masa satu (2011: enam) bulan.

Termasuk di dalam deposit di bank berlesen adalah RM5,000 (2011: tiada) yang dihadkan untuk kegunaan perancangan dan pelaksanaan program pembinaan kapasiti yang berkaitan dengan profesion perakaunan dan pengauditan.

6. Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
Sumbangan tunai daripada: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	6,000,000	5,000,000	5,000,000

7. Defisit terkumpul

	RM
Pada 1 Januari 2011	(549,555)
Kerugian bagi tahun	(1,826,054)
Pada 31 December 2011	(2,375,609)
Kerugian bagi tahun	(2,696,115)
Pada 31 December 2012	(5,071,724)

8. Pemiutang lain dan akruan

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
Amaun perlu dibayar kepada SC	–	586,819	–
Pemiutang lain	63,106	36,407	98,807
	63,106	623,226	98,807

Amaun perlu dibayar kepada SC timbul daripada perbelanjaan yang dibayar bagi pihak AOB. Amaun terhutang ini tidak bercagar, bebas faedah dan boleh dibayar balik apabila diminta.

9. Perbelanjaan pentadbiran

	2012 RM	2011 RM
Perbelanjaan pentadbiran terdiri daripada:		
Yuran juruaudit:		
– Perkhidmatan audit	20,000	20,000
– Perkhidmatan lain	10,000	–
Bayaran honorarium	13,325	6,380
Elaun ahli bukan eksekutif	102,500	56,000
Pelbagai caj lain	319,367	300,271
Sewa bangunan	325,296	326,273
Kos kakitangan	3,582,020	2,920,260
	<u>4,372,508</u>	<u>3,629,184</u>

10. Instrumen kewangan

10.1 Kategori instrumen kewangan

Jadual di bawah menyediakan analisis instrumen kewangan yang dikategorikan seperti yang berikut:

- (a) Pinjaman dan penghutang (L&R); dan
- (b) Liabiliti kewangan lain diukur pada kos terlunas (OL).

	Amaun bawaan RM	L&R RM	OL RM
31.12.2012			
Aset kewangan			
Penghutang lain	80,850	80,850	–
Tunai dan setara tunai	910,532	910,532	–
	<u>991,382</u>	<u>991,382</u>	<u>–</u>
 Liabiliti kewangan			
Pemiutang lain dan akruan	(63,106)	–	(63,106)

31.12.2011

Aset kewangan			
Penghutang lain	130,285	130,285	–
Tunai dan setara tunai	3,117,332	3,117,332	–
	<u>3,247,617</u>	<u>3,247,617</u>	<u>–</u>

Liabiliti kewangan

Pemiutang lain dan akruan	(623,226)	–	(623,226)
---------------------------	-----------	---	-----------

1.1.2011**Aset kewangan**

Penghutang lain	124,293	124,293	–
Tunai dan setara tunai	4,424,959	4,424,959	–
	<u>4,549,252</u>	<u>4,549,252</u>	<u>–</u>

Liabiliti kewangan

Pemiutang lain dan akruan	(98,807)	–	(98,807)
---------------------------	----------	---	----------

10.2 Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

AOB terdedah terutamanya kepada risiko kecairan sepanjang tempoh operasi normal AOB. Oleh sebab AOB ditadbir oleh SC, AOB tertakluk kepada dasar pengurusan risiko kewangan SC.

10.3 Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan kepada AOB jika pihak berlawanan kepada instrumen kewangan gagal memenuhi obligasi kontraknya.

AOB tidak terdedah kepada sebarang risiko kredit kerana AOB tidak mempunyai hutang dagangan.

10.4 Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko yang AOB tidak akan dapat memenuhi obligasi kewangannya apabila cukup tempoh.

AOB, melalui SC, memantau dan mengekalkan aras tunai dan setara tunai yang difikirkan cukup untuk membiayai operasi AOB dan untuk mengurangkan kesan turun naik dalam aliran tunai.

Analisis kematangan

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan AOB pada penghujung tempoh pelaporan berdasarkan pembayaran berkontrak tidak terdiskaun.

	Amaun bawaan RM	Aliran tunai berkontrak RM	Kurang 1 tahun RM
31.12.2012			
Liabiliti kewangan			
Pemiutang lain dan akruan	63,106	63,106	63,106
31.12.2011			
Liabiliti kewangan			
Pemiutang lain dan akruan	623,226	623,226	623,226
1.1.2011			
Liabiliti kewangan			
Pemiutang lain dan akruan	98,807	98,807	98,807

10.5 Risiko pasaran

Risiko pasaran adalah risiko yang mengubah harga pasaran, seperti kadar faedah yang akan menjejaskan kedudukan kewangan atau aliran tunai AOB.

10.5.1 Risiko kadar faedah

Profil kadar faedah instrumen kewangan yang menanggung faedah ketara AOB, berdasarkan amaun bawaan pada penghujung tempoh pelaporan adalah:

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
Instrumen kadar tetap			
Aset kewangan	509,848	3,094,463	4,014,871

Analisis sensitiviti risiko kadar faedah

Analisis sensitiviti nilai saksama bagi instrumen kadar tetap

AOB tidak mengambil kira apa-apa aset kewangan kadar tetap pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, dan AOB tidak menetapkan derivatif sebagai instrumen lindung nilai di bawah model perakaunan lindung nilai saksama. Oleh itu, perubahan dalam kadar faedah pada penghujung tempoh pelaporan tidak akan menjejaskan keuntungan atau kerugian.

10.6 Nilai saksama

Berhubung dengan tunai dan setara tunai, penghutang lain, pemiutang lain dan akruan, amaun bawaan menganggarkan nilai saksama disebabkan oleh instrumen kewangan yang berjangka pendek.

11. Pengurusan dana

	31.12.2012 RM	31.12.2011 RM	1.1.2011 RM
Dana daripada SC	6,000,000	5,000,000	5,000,000
Defisit terkumpul	(5,071,724)	(2,375,609)	(549,555)
	928,276	2,624,391	4,450,445

Objektif AOB adalah untuk mengekalkan rizab yang cukup untuk memelihara keupayaan AOB bagi melaksanakan kewajipan dan fungsinya secara bebas. Rizab ini diuruskan oleh SC.

12. Percukaian

SC telah mendapat kelulusan daripada Menteri Kewangan agar dikecualikan daripada cukai berkuat kuasa dari Tahun Taksiran 2007 dan tahun-tahun berikutnya. Dengan ini, AOB juga dikecualikan daripada cukai.

13. Pemberian kebenaran penyata kewangan

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 dibenarkan oleh SC untuk diterbitkan dan ditandatangani oleh Pengerusi SC dan Pengerusi Eksekutif AOB pada 31 Januari 2013.

14. Penjelasan bagi peralihan kepada MFRS

Sebagaimana yang dinyatakan dalam Nota 2(a), ini merupakan penyata kewangan pertama bagi AOB yang disediakan menurut MFRS.

Dasar perakaunan yang dibentangkan dalam Nota 3 diguna pakai semasa menyediakan penyata kewangan AOB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, maklumat berbanding yang dikemukakan dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 dan dalam penyediaan penyata MFRS pembukaan bagi kedudukan kewangan pada 1 Januari 2011 (tarikh peralihan AOB kepada MFRS).

Tidak terdapat perbezaan antara penyata kewangan AOB yang disediakan menurut FRS di Malaysia dengan yang disediakan menurut MFRS.

PERAKUAN BERKANUN



Saya, Vignaswaran A/L Kandiah, pegawai utama yang bertanggungjawab atas pengurusan kewangan Lembaga Pemantauan Audit, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya berikrar bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dalam muka surat 51 hingga 66, adalah betul sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, dan saya membuat ikrar ini dengan penuh kepercayaan bahawa ia benar dan menurut peruntukan *Akta Perakuan Berkanun, 1960*.

Ditandatangani dan diikrarkan oleh penama di atas di Kuala Lumpur pada 31 Januari 2013.



.....
Vignaswaran A/L Kandiah

Di hadapan saya:



Laporan Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Lembaga Pemantauan Audit (AOB), yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2012, dan penyata keuntungan atau kerugian dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota, yang terdiri daripada ringkasan dasar perakaunan penting dan maklumat penjelasan, sebagaimana yang dibentangkan pada muka surat 51 hingga 66.

Tanggungjawab Ahli Suruhanjaya kepada Penyata Kewangan

Ahli Suruhanjaya bagi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Suruhanjaya) bertanggungjawab atas penyediaan penyata kewangan ini yang memberikan gambaran benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa, dan bagi kawalan dalaman, sebagaimana yang ditentukan oleh Ahli Suruhanjaya untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang penting, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan satu pendapat tentang penyata kewangan berdasarkan pengauditan kami. Kami melaksanakan pengauditan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan bagi memberikan jaminan yang wajar sama ada penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang penting atau tidak.

Pengauditan melibatkan prosedur pelaksanaan untuk memperoleh bukti tentang jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata yang penting tentang penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penaksiran risiko tersebut, kami menganggap kawalan dalaman yang relevan dengan penyediaan penyata kewangan yang memberikan gambaran yang benar dan saksama untuk merangka prosedur pengauditan yang sesuai dengan keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman AOB. Pengauditan turut merangkumi menilai kesesuaian dasar pengauditan yang digunakan dan kewajaran anggaran pengauditan yang dibuat oleh Ahli Suruhanjaya, serta menilai keseluruhan pembentangan penyata kewangan.

Kami percaya bukti pengauditan yang kami peroleh adalah mencukupi dan wajar untuk dijadikan asas bagi pendapat pengauditan kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini dibentangkan dengan betul menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan AOB pada 31 Disember 2012 bagi prestasi kewangan dan aliran tunai yang berakhir pada tarikh tersebut.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat semata-mata untuk Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada pihak lain berhubung dengan kandungan laporan ini.



KPMG

Nombor Firma: AF 0758

Akauntan Bertauliah



Peter Ho Kok Wai

Rakan

Nombor Kelulusan: 1745/12/13(J)

Petaling Jaya, Malaysia

Tarikh: 31 Januari 2013

PROSES PEMERIKSAAN DAN ASAS PELAPORAN

AOB menjalankan pemeriksaan berdasarkan piawaian pengauditan dan etika yang ditetapkan oleh MIA, yang diguna pakai oleh AOB seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 31U Bahagian IIIA SCA.

Dalam menentukan pematuhan kepada piawaian pengauditan dan etika yang relevan, AOB menekankan firma audit dan juruaudit untuk mematuhi dari segi pengisian berbanding luaran. Oleh itu sebarang pematuhan dari segi luaran tetapi kurang pengisian boleh dianggap sebagai tidak mematuhi piawaian.

Proses pemeriksaan bermula dengan komunikasi dengan firma audit, diikuti dengan hal-hal perancangan, mesyuarat pemula, pemeriksaan di lokasi dan mesyuarat penutup.

Sebagai bahan penting kepada kualiti pengauditan, semua prosedur pengauditan dan bukti pengauditan perlu didokumenkan secara teratur dan mencukupi untuk menyokong pandangan audit. Beberapa kekurangan mungkin penting hingga menampakkan juruaudit telah gagal untuk mendapatkan bukti yang mencukupi dan bersesuaian untuk menyokong pandangan audit terhadap penyata kewangan pada masa laporan audit dikeluarkan. Penerangan bertulis yang jelas mengenai perkara-perkara kritikal seperti anggaran dan pertimbangan profesional adalah

penting, dengan analisis mendalam yang bersesuaian sebagai bukti untuk menyokong kesimpulan audit. Oleh itu, tanpa kewujudan dokumentasi atau bahan bukti yang lain, juruaudit akan dianggap telah gagal melaksanakan prosedur audit, walaupun juruaudit tersebut mendakwa prosedur telah dilaksanakan.

Pada bahagian kesimpulan, selepas setiap pemeriksaan, AOB mengeluarkan draf laporan pemeriksaan kepada setiap firma audit yang mengandungi kepincangan yang diperhatikan semasa pemeriksaan, tidak kira sama ada kepincangan itu telah ditangani oleh firma tersebut atau ditangani melalui tugas audit yang lain selepas kepincangan itu didedahkan oleh AOB. Firma audit tersebut dikehendaki memberi maklum balasnya dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh AOB. AOB akan mengeluarkan laporan pemeriksaan terakhir selepas mengambil kira penjelasan yang dibuat oleh firma audit. Langkah-langkah pemulihan dan tempoh masa juga akan dipersetujui dengan firma tersebut, dengan fokus terhadap perlindungan dan peningkatan kualiti audit.

Setiap firma audit dikehendaki melaporkan hasil langkah pemulihan yang telah atau sedang diambil untuk menangani kepincangan yang ditimbulkan dalam laporan pemeriksaan. AOB akan menerbitkan laporan pemeriksaan sekiranya juruaudit gagal mengambil langkah pemulihan yang sewajarnya.

Skop Pemeriksaan, Pemulihan dan Penyebab Punca

AOB menjalankan pemeriksaan tetap ke atas Firma Audit Utama yang mempunyai lebih daripada 10 juruaudit individu dan mengaudit lebih daripada 40 PIE setiap tahun. Selain itu, AOB juga menjalankan penilaian risiko tahunan dan memilih Firma Audit Lain untuk pemeriksaan berdasarkan kitaran yang telah ditentukan. Dalam tahun 2012, 19 firma audit dipilih untuk skop pemeriksaan AOB, termasuk Firma Audit Utama. AOB meramalkan bahawa Firma Audit Utama akan terus diperiksa setiap tahun manakala firma lain yang berdaftar dengan AOB akan diperiksa mengikut kitaran yang ditentukan.

AOB akan memeriksa firma audit berdaftar sama ada melalui pemeriksaan biasa atau pemeriksaan khas.

Pemeriksaan biasa bermakna pemeriksaan yang dijalankan mengikut rutin untuk memastikan semua firma audit PIE disemak sekurang-kurangnya dalam tempoh kitaran yang ditentukan. Pemeriksaan biasa dijalankan dengan fokus kepada bidang berisiko tinggi dan mempertimbangkan secara umum kesan yang mungkin dicetuskan oleh firma audit atau kualiti juruaudit ke atas keyakinan pasaran dan pelabur secara menyeluruh.

Pemeriksaan khas biasanya digerakkan oleh isu tertentu, sama ada oleh sesuatu kejadian atau isu industri yang mempunyai risiko kepada perlindungan pelabur atau menimbulkan kegusaran mengenai kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit yang berkaitan. Pemeriksaan sedemikian meliputi aspek tertentu sesuatu pengauditan dengan lebih mendalam dan terperinci berbanding dengan pemeriksaan biasa.

Pendekatan berasaskan risiko diguna pakai oleh

AOB, yang mengambil kira risiko firma audit dan portfolio pelanggannya untuk membolehkan AOB untuk memfokuskan usahanya kepada bidang berisiko paling tinggi. Pendekatan itu direka untuk memfokuskan aspek operasi firma audit yang mempunyai kesan ke atas kualiti audit. Metodologi pemeriksaan menyediakan kerangka kerja untuk penggunaan proses yang konsisten kepada semua pemeriksaan.

Risiko utama yang akan memberi kesan kepada pasaran dan keyakinan pelabur terhadap penyata kewangan teraudit PIE adalah apabila firma audit membuat satu pandangan audit yang tidak sesuai ke atas penyata kewangan tersebut. Kesan daripada itu, cabaran utama sesuatu pemeriksaan adalah untuk mengesan jurang dalam penggunaan piawaian pengauditan dan etika oleh firma audit tersebut.

Memandangkan pemeriksaan AOB adalah berasaskan risiko, ia tidak akan menyemak semua aspek dasar dan prosedur kawalan kualiti atau tugas audit firma tersebut untuk mengenal pasti semua aspek yang padanya wujud kepincangan audit yang telah disemak. Oleh itu sesuatu pemeriksaan tidak boleh dianggap sebagai memberi jaminan bahawa kawalan kualiti sesuatu firma, pengauditannya atau penyata kewangan adalah bebas daripada sebarang kepincangan yang tidak didedahkan secara khusus.

Bagi semakan firma, penilaian ke atas sistem kawalan kualiti menjelaskan bagaimana sesebuah firma audit telah mewujudkan dan mengekalkan sistem tersebut, termasuk dasar dan prosedur yang membincangkan setiap satu daripada elemen berikut yang dinyatakan dalam ISQC1:

- Tanggungjawab kepimpinan ke atas kualiti di dalam firma;
- Keperluan etika yang berkenaan;

- Penerimaan dan kesinambungan perhubungan pelanggan dan tugas khusus;
- Sumber manusia;
- Pelaksanaan tugas; dan
- Pemantauan.

Perkara yang timbul daripada semakin peringkat firma boleh dimasukkan dalam dua kategori, iaitu isu reka bentuk dan pematuhan. Isu reka bentuk merujuk kepada ketiadaan kawalan untuk menangani risiko yang telah dikenal pasti. Isu pematuhan dimaksudkan dengan kegagalan sistem kawalan firma untuk mengesan risiko yang telah dikenal pasti. Objektif semakin tugas adalah untuk menilai tahap pematuhan juruaudit terhadap piawaian pengauditan dan etika, dan untuk menilai kualiti laporan audit yang disediakan oleh seseorang juruaudit berkaitan dengan penyata kewangan teraudit PIE. Secara ringkas, pemeriksaan tersebut meletakkan penekanan ke atas kecukupan dan kewajaran bukti audit yang diperolehi, terutamanya bagi bidang pertimbangan audit utama yang menyokong pandangan audit tersebut.

Dalam tahun 2012, AOB terus membuat susulan ke atas rancangan pemulihan yang dihantar oleh firma audit yang diperiksa untuk pembaikan berterusan kualiti audit. AOB memperakui bahawa tidak ada penyelesaian umum untuk penyingkiran penuh risiko ke atas kualiti audit. Walau bagaimanapun, langkah positif yang relevan, yang dilaksanakan untuk menangani kepincangan yang dikenal pasti semasa pemeriksaan dan punca yang berkaitan adalah penting untuk memajukan kualiti audit. Rancangan pemulihan secara umumnya mengandungi bidang pembaikan khusus bagi firma tersebut bagi tempoh pendek, sederhana dan panjang, termasuk penunjuk prestasi khusus dan garis masa.

AOB menghendaki firma audit untuk menyediakan pendekatan holistik untuk pemulihan, terutamanya untuk mengenali dan menangani punca kepincangan audit. AOB membincangkan rancangan yang disarankan dengan firma audit dan memberikan pandangan untuk memastikan kesesuaiannya.

AKRONIM DAN SINGKATAN

AARG	Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN
AASB	Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan MIA
ACRA	Pihak Berkuasa Pengawalseliaan Perakaunan dan Korporat Singapura
AOB	Lembaga Pemantauan Audit
ASEAN	Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara
BNM	Bank Negara Malaysia
CPAAOB	Akauntan Awam Bertauliah dan Lembaga Pemantauan Pengauditan Jepun
EQCR	Penyemak Kawalan Kualiti Tugasan
FRS	Piawaian Pelaporan Kewangan
FSB	Lembaga Kestabilan Kewangan
IAASB	Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan Antarabangsa
ICAA	Institut Akauntan Bertauliah Australia
ICAEW	Institut Akauntan Bertauliah England dan Wales
IFIAR	Forum Pengawal Selia Audit Bebas Antarabangsa
IFRS	Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa
ISA	Piawaian Antarabangsa Tentang Pengauditan
ISAE	Piawaian Antarabangsa Tentang Tugasan Jaminan
ISQC 1	Piawaian Antarabangsa Mengenai Kawalan Kualiti 1: Kawalan Kualiti bagi Jaminan dan Ikatan Perkhidmatan Berkaitan Lain
ITC	Undangan untuk Memberi Komen: Menambah baik Laporan Juruaudit
JFSA	Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Jepun
MIA	Institut Akauntan Malaysia
MIA-By-Laws	Undang-undang Kecil (Mengenai Etika Profesional, Tatalaku dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia
MICPA	Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
PIE	Entiti Kepentingan Awam
PLC	Syarikat Tersenarai Awam
ROSC AA	Laporan mengenai Pemerhatian ke atas Piawaian dan Kod Perakauan dan Pengauditan
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SCA	<i>Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993</i>
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia

TAKRIF

Juruaudit	Juruaudit individu atau firma audit yang berdaftar di bawah seksyen 310 <i>Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993</i> sebagai juruaudit entiti kepentingan awam.
Empat Firma Audit Besar Entiti kepentingan awam	Deloitte & Touche, Ernst & Young, KPMG dan PricewaterhouseCoopers Entiti yang memenuhi takrif berikut: (a) Syarikat tersenarai awam atau syarikat yang tersenarai di bursa saham (b) Institusi berlesen yang berdaftar di bawah Akta Institusi Perbankan dan Kewangan 1989 (c) Syarikat insurans yang berdaftar di bawah Akta Insurans 1996 (d) Pengusaha takaful yang berdaftar di bawah Akta Takaful 1984 (e) Bank Islam yang berdaftar di bawah Akta Perbankan Islam 1983 (f) Institusi kewangan pembangunan yang dinyatakan di bawah <i>Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002</i> (g) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk melaksanakan aktiviti yang dikawal selia dalam sekuriti, derivatif dan pengurusan dana; dan (h) Mana-mana orang lain yang dinyatakan oleh Menteri, menurut perintah yang dikeluarkan dalam Warta.
Firma Audit Utama	Firma audit dengan lebih daripada 10 rakan kongsi dan mengaudit lebih daripada 40 PIE setiap tahun.
Firma Audit Lain	Firma audit tahap-pertengahan dan milik tunggal.